

UNIVERSITI  
M A L A Y A

# KOD BEBAS EKSPLOITASI, PENGANIAAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL DI UNIVERSITI MALAYA (UM)

*Cetakan Pertama 2021*

**Hak Cipta Terpelihara**

**UNIT INTEGRITI UNIVERSITI MALAYA**

Aras 9, Pejabat Naib Canselor, Canseleri  
Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur, MALAYSIA

<https://umintegrity.um.edu.my/>

No. Telefon: +603-7967 3400/ 7854/ 7934/ 7910

E-mel Rasmi: [integrity@um.edu.my](mailto:integrity@um.edu.my)

# KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
	<b>Kata Aluan Naib Canselor</b>	<b>1</b>
1.	<b>Kod Bebas Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual di Universiti Malaya (UM)</b>	2 – 3
2.	<b>Polisi Universiti Malaya (UM) Mengenai Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual</b>	4 – 5
	2.1 Rasional	4 – 5
	2.2 Pernyataan Polisi	5
3.	<b>Skop Kod Bebas Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual</b>	6 – 7
	3.1 Kumpulan Sasaran	6
	3.2 Perhubungan Staf dan Pelajar	6
	3.3 Perhubungan Penyelia dengan Staf Bawahan	7
	3.4 Perhubungan Sesama Rakan Sekerja/ Sekumpulan	7
	3.5 Perhubungan Ahli Komuniti Universiti dengan Pihak Luar	7
4.	<b>Pengertian Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual</b>	8 – 13
	4.1 Takrif Eksplotasi dan Penganiayaan Seksual	8
	4.2 Takrif Gangguan Seksual	9
	4.3 Kategori Gangguan Seksual	10
	4.4 Bentuk-Bentuk Gangguan Seksual	11 – 12
	4.5 Serangan Seksual	13
5.	<b>Prosedur Penerimaan dan Penyiasatan Kes Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual</b>	14 – 20
	5.1 Pengenalan kepada Prosedur Penerimaan dan Penyiasatan Kes Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual	14
	5.2 Prosedur Penerimaan dan Penyiasatan Kes Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual	14 – 20
6.	<b>Kerahsiaan</b>	21
7.	<b>Langkah-langkah Perlindungan dan Pencegahan Kepada Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual</b>	22
8.	<b>Kesan Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual</b>	23 – 24
	8.1 Kesan Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual Ke Atas Mangsa	23
	8.2 Kesan Kes Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual Kepada Organisasi	24
9.	<b>Menangani Kesan Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual Ke Atas Pengadu, Pihak Yang Diadukan (PYD) dan Ketua Jabatan</b>	25
10.	<b>Program Meningkatkan Kesedaran, Pendidikan dan Pencegahan Kepada Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual di Universiti Malaya (UM)</b>	26 – 27
11.	<b>Sumber-Sumber Maklumat dan Bantuan</b>	28 – 35
12.	<b>Carta Alir Urusan Menangani Kes Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual di UM</b>	36 – 37
	<b>Borang Aduan Rasmi Eksplotasi, Penganiayaan Dan Gangguan Seksual di Universiti Malaya (UM)</b>	38 – 39
13.	<b>Rujukan</b>	40
14.	<b>Penghargaan</b>	41 – 42
15.	<b>Lampiran</b>	43
	<b>Lampiran A – Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]</b>	
	<b>Lampiran B – Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999</b>	
	<b>Lampiran C1 – Borang Persetujuan Penyelesaian (Pemberi Maklumat/ Pengadu)</b>	
	<b>Lampiran C2 – Borang Persetujuan Penyelesaian (PYD)</b>	



## KATA ALUAN NAIB CANSELOR

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Kod Bebas Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual di Universiti Malaya (UM) ini adalah satu usaha Universiti untuk menyediakan persekitaran kerja dan pembelajaran yang selamat dan bebas daripada eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual. Saya percaya setiap warga UM berhak dilayan secara adil dan bermaruah tanpa diskriminasi berdasarkan status, latar belakang, bangsa, etnik dan agama.

Usaha untuk mewujudkan Kod Amalan Mencegah dan Mengendalikan Kes Gangguan Seksual bermula dengan edisi pertama yang telah diterbitkan pada tahun 2007, disusuli dengan edisi kedua pada tahun 2008 dan terbitan terakhir adalah pada tahun 2012. Kod Amalan tersebut kemudiannya ditambah baik untuk mengambil kira isu-isu semasa yang berbangkit daripada pengurusan kes dan memperluaskannya kepada isu yang berkaitan dengan eksplotasi dan penganiayaan seksual. Justeru, Kod Bebas Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual ini diwujudkan bagi menggantikan Kod Amalan Mencegah dan Mengendalikan Kes Gangguan Seksual yang sedia ada.

Dengan adanya Kod Bebas Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual di Universiti Malaya ini, mudah-mudahan ia dapat memberikan penerangan secara ringkas dan tepat kepada warga UM mengenai kesan eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual, prosedur aduan serta pematuhan peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa selaras untuk menjadikan UM, kampus yang bebas daripada eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual.

Tahniah kepada Unit Integriti dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penghasilan Kod Bebas Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual di Universiti Malaya. Bersama-sama kita menyemai nilai teras baharu Kesungguhan, Perpaduan, Integriti, Keikhlasan, Empati (P.O.I.S.E).

Berbakti untuk negara. Memberi impak pada dunia.

**Profesor Dato' Ir. Dr. Mohd Hamdi Abd Shukor**  
Naib Canselor

Tarikh Kuatkuasa: **8 September 2021**

Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU): **7 September 2021**

# 1. KOD BEBAS EKSPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL DI UNIVERSITI MALAYA (UM)

Mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, pihak majikan bertanggungjawab untuk menyediakan persekitaran sihat dan selamat bagi pekerja-pekerjanya menjalankan tugas sehari-hari. Ini termasuklah hal-hal yang berkaitan kesihatan dan keselamatan fizikal serta mental. Walaupun aduan yang diterima secara rasmi di Universiti Malaya berkaitan kes gangguan seksual setakat ini adalah rendah (keseluruhannya sebanyak 18 aduan yang diterima oleh Unit Integriti bagi tempoh 2017 hingga 2021), namun bilangan ini menunjukkan bahawa sememangnya berlaku kejadian gangguan seksual di Universiti Malaya. Berdasarkan satu kajian yang telah dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) dilaporkan bahawa seramai 75.1% daripada 369 orang pelajar program Sarjana Muda (yang menjadi responden kepada kajian tersebut) pernah mempunyai pengalaman diganggu seksual dalam kampus sekurang-kurangnya sekali<sup>1</sup>. Daripada jumlah ini, 62.5% (173 orang) adalah pelajar perempuan manakala 37.5% (104 orang) adalah pelajar lelaki. Peratusan lebih tinggi di kalangan pelajar perempuan adalah kerana populasi mereka yang lebih ramai di Universiti Awam iaitu pada kadar 60% pada tahun 2009<sup>2</sup>.

Berdasarkan satu kajian terhadap 455 orang jururawat wanita yang bertugas di sebuah hospital kerajaan di negeri Melaka, didapati seramai 51.2% daripada mereka pernah mempunyai pengalaman diganggu seksual<sup>3</sup>. Pelaku kepada perbuatan gangguan seksual ini adalah rata-ratanya kaum lelaki sama ada terdiri daripada pesakit, kawan pesakit, saudara mara pesakit, rakan sekerja atau pegawai perubatan. Manakala dalam satu kajian di kalangan peguam di Kuala Lumpur dan Selangor yang telah dijalankan pada tahun 2013, dikatakan lebih kurang 10% daripada 198 peguam pernah mempunyai pengalaman diganggu seksual<sup>4</sup>. Daripada 20 orang yang mengakui pernah diganggu seksual, 17 daripada mereka adalah wanita, manakala selebihnya adalah lelaki. Maka peratusan peguam wanita berbanding peguam lelaki diganggu seksual adalah jauh lebih tinggi memandangkan peratusan peguam kaum wanita (52%) adalah lebih kurang seimbang dengan peratusan peguam lelaki (48%). Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan kes-kes gangguan seksual tidak dilaporkan atas pelbagai alasan. Kajian juga menunjukkan bahawa lebih kurang 55% daripada mereka tidak mengetahui kewujudan Kod Amalan Mengenai Pencegahan dan Pembasmian Gangguan Seksual (*Code of Practice on the Prevention and Eradication of Sexual Harassment*) yang telah diterima pakai oleh Majlis Peguam pada tahun 2007.

<sup>1</sup> Noraida Endut, et al. (2011). *Understanding and Experiences of Sexual Harassment amongst University Students: A Case Study of Undergraduates in Universiti Sains Malaysia. Proceedings of 2011 International conference on humanities, historical and social sciences (CHHSS 2011) presented at the 2nd International Conference on Humanities, Historical & Social Sciences in Cairo, Egypt, 2011.*

<sup>2</sup> Kementerian Wanita (2010) dirujuk dalam Noraida Endut, et al. (2011). *Understanding and Experiences of Sexual Harassment amongst University Students: A Case Study of Undergraduates in Universiti Sains Malaysia. Proceedings of 2011 international conference on humanities, historical and social sciences (CHHSS 2011) presented at the 2nd International Conference on Humanities, Historical & Social Sciences in Cairo, Egypt, 2011.*

<sup>3</sup> Suhaila, O., and Rampal, K.G. (2012). *Prevalence of Sexual Harassment and its Associated Factors among Registered Nurses Working in Government Hospitals in Melaka State, Malaysia. Med J Malaysia*, 67 (5), 506-517. <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/23770869/>.

<sup>4</sup> Lai, S.Y., et al. (2014). *Final Report: Baseline Study on the Working Conditions of Male and Female Lawyers in Kuala Lumpur and Selangor. Kuala Lumpur: Association of Women Lawyers.*

Soal selidik terkini yang dijalankan oleh YouGov *Omnibus* yang melibatkan seramai 1002 rakyat Malaysia mendapati seramai 36% wanita berbanding 17% lelaki mempunyai pengalaman diganggu seksual<sup>5</sup>. Daripada jumlah tersebut, separuh daripada mereka (atau lebih kurang 53%) didapati telah berkongsi atau melaporkan kejadian gangguan seksual tersebut; di mana 54% berkongsi kepada rakan, 51% berkongsi kepada ahli keluarga dan hanya 15% sahaja yang telah membuat laporan kepada pihak polis. Kebanyakan mereka tidak membuat laporan kerana sebab-sebab berikut: rasa malu, merasakan bahawa tiada tindakan akan diambil, takut akan tindakan pembalasan atau balas dendam. Ini juga menunjukkan bahawa kes yang dilaporkan secara rasmi kepada pihak polis adalah jauh lebih rendah daripada kejadian sebenar.

Justeru pelbagai pihak telah mengambil inisiatif untuk mengadakan atau mewujudkan program atau polisi untuk menangani gangguan seksual di institusi masing-masing sebagai salah satu cara untuk menggalakkan mangsa membuat laporan mengenai kejadian gangguan seksual yang mereka alami. Pengalaman di tempat-tempat yang telah menguatkuaskan arahan dan program untuk menangani gangguan seksual menunjukkan bahawa pendekatan yang berjaya untuk menangani masalah ini bermula dengan mengadakan polisi anti gangguan seksual dan penyediaan kaedah atau mekanisme dalaman untuk menyelesaikan aduan. Contohnya Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja yang telah diterbitkan pada tahun 1999 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Di Universiti Malaya, UM telah mewujudkan Kod Amalan Mencegah dan Mengendalikan Kes Gangguan Seksual dengan edisi pertama telah dicetak pada tahun 2007, disusuli dengan edisi kedua pada tahun 2008 dan cetakan terakhir adalah pada tahun 2012. Kod Amalan tersebut kemudiannya ditambah baik untuk mengambil kira isu-isu semasa yang berbangkit daripada pengurusan kes dan memperluaskannya kepada isu yang berkaitan dengan eksloitasi dan penganiayaan seksual. Justeru, Kod Bebas Eksloitasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual ini diwujudkan bagi menggantikan Kod Amalan Mencegah dan Mengendalikan Kes Gangguan Seksual yang sedia ada.

<sup>5</sup> Ho, Kim. (2019). Over a third of Malaysian women have experienced sexual harassment.<https://my.yougov.com/en-my/news/2019/08/06/over-third-malaysian-women-have-experienced-sexual/>

## **2. POLISI UNIVERSITI MALAYA (UM) MENGENAI EKSPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL**

### **2.1 RASIONAL**

Warga UM merupakan modal insan penting kepada negara. Modal insan ini dapat dibangunkan kepada tahap optimum melalui penyediaan persekitaran yang selamat dan kondusif. Sehubungan itu, perlindungan terhadap Warga UM daripada eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual adalah satu aspek penting dan hendaklah diberi keutamaan.

Tanggapan seseorang terhadap perbuatan tertentu mungkin berbeza. Oleh itu kita perlu berhati-hati. Sesuatu yang dianggap sebagai gurauan mungkin boleh disifatkan sebagai suatu perbuatan gangguan seksual dan boleh mendorong kepada eksplotasi dan penganiayaan. Kadangkala seseorang itu tidak menerima bahawa perlakuannya adalah salah dan beranggapan bahawa mereka yang di sekelilingnya pula sudah biasa dengan perangainya yang suka ‘bergurau’. Jika seseorang telah berkata atau menunjukkan dengan jelas secara langsung atau melalui pihak ketiga bahawa dia tidak senang dengan sesuatu perbuatan, pendiriannya perlu dihormati. Seseorang harus peka dan memahami perbuatannya dari sudut pandang orang yang menjadi sasaran dan menghormati pendirian yang perhatian seksual tersebut tidak diingini atau tidak disenangi. Oleh itu, pentakrifan eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual yang jelas merupakan komponen penting dalam keberkesanan mekanisme dalaman untuk mencegah dan mengendalikan kes eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual. Pentakrifan terperinci adalah perlu agar semua warga UM jelas berkenaan perbuatan-perbuatan yang boleh ditanggap sebagai eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual.

Universiti Malaya (UM) bertekad untuk menyediakan persekitaran pembelajaran dan pekerjaan yang sihat dan selamat, bebas daripada sebarang perbuatan diskriminasi atau keganasan. Eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual dalam sebarang bentuk adalah bertentangan dengan hasrat UM dan semua warga UM dilarang keras melakukannya. Eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual yang juga merupakan satu bentuk diskriminasi seksual bercanggah dengan misi dan visi UM serta menggugat kerjaya, pengalaman pembelajaran dan kesejahteraan warga UM amnya. Eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual boleh berlaku tanpa mengambil kira jawatan atau kedudukan seseorang. Walau bagaimanapun, apabila eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual ini berlaku di antara ahli akademik dan pelajar atau di antara penyelia dan pekerja, maka perlakuan ini adalah dilihat lebih berat kerana ianya melibatkan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pihak yang berautoriti dan individu terpilih yang diamanahkan untuk memimpin. Kod ini juga menegaskan komitmen UM untuk mempertingkatkan kefahaman melalui program meningkatkan kesedaran dan pendidikan seperti pada **Perkara 10**, memberi khidmat kaunseling dan melatih warga UM berkenaan eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual, kesannya ke atas individu dan komuniti UM serta langkah-langkah untuk mengatasinya.

Kod ini juga merupakan tambahan kepada Bahagian 3.1.1 perkara [18], Bahagian 3.1.2 perkara [7] dan Bahagian 3.1.3 perkara [6] Kod Etika Universiti Malaya 2010. Oleh itu perbuatan melanggar kandungan kod ini juga adalah melanggar Kod Etika Universiti Malaya. Selain daripada boleh disabitkan kesalahan melakukan eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual serta tindakan yang akan dikenakan oleh pihak UM, seseorang itu boleh juga didakwa mengikut Akta dan Undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual adalah salah satu bentuk diskriminasi berasaskan gender. Mengikut Perlembagaan Persekutuan di bawah seksyen 8(2) tentang hak sama rata, diskriminasi berasaskan gender adalah dilarang sama sekali. Ini juga adalah selari dengan Konvensyen Antarabangsa iaitu *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) 1979 yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1995.

## 2.2 PERNYATAAN POLISI

- 2.2.1 Gangguan seksual dan apa-apa perbuatan yang bersifat eksplorasi atau penganiayaan seksual kepada mana-mana gender atau kumpulan orang adalah merupakan satu salah laku yang tidak boleh ditoleransi dalam sebarang konteks sama ada antara staf dan pelajar, sesama staf, sesama pelajar, penyelia dan staf bawahan, antara staf atau pelajar dan pelanggan UM, atau hubungan-hubungan lain.
- 2.2.2 UM bertekad untuk menyediakan persekitaran yang menyokong pembelajaran (nurturing) yang bebas daripada eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual. Semua warga UM adalah bertanggungjawab untuk memastikan warga UM bebas daripada sebarang bentuk eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual.
- 2.2.3 Eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual merupakan satu perlakuan salah laku yang dipandang serius dan boleh dikenakan tindakan sewajarnya mengikut prosedur seperti pada **Perkara 5**.
- 2.2.4 Semua Ketua, Pusat Tanggungjawab (PTj) dikehendaki mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk meningkatkan kefahaman mengenai eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual melalui program kesedaran dan pendidikan yang diadakan.
- 2.2.5 Aduan mengenai eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual akan ditangani secara sulit dan rahsia. Sebarang bentuk tindakan yang tidak sewajarnya terhadap warga UM yang menggunakan hak-haknya untuk membuat pengaduan adalah dilarang dan boleh dikenakan tindakan.

### **3. SKOP KOD BEBAS EKSPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL**

#### **3.1 KUMPULAN SASARAN**

Kod Bebas Eksplorasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual ini adalah terpakai dan dikuatkuasakan ke atas seluruh warga UM dan pihak luar yang berurusan dengan UM yang merangkumi perhubungan berikut:

- 3.1.1 Staf dengan pelajar;
- 3.1.2 Sesama pelajar;
- 3.1.3 Sesama staf;
- 3.1.4 Penyelia dengan staf bawahan; dan
- 3.1.5 Staf/pelajar dengan pihak luar

#### **3.2 PERHUBUNGAN STAF DAN PELAJAR**

- 3.2.1 Seseorang ahli akademik tidak dibenarkan membuat pernyataan atau perbuatan berunsur eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual kepada pelajar termasuk memaksa pelajar keluar untuk temu janji atau mengadakan hubungan seksual, atau melakukan sebarang perbuatan berunsur seksual terhadap seseorang pelajar.
- 3.2.2 Sebarang hubungan atau perbuatan romantik atau seksual tidak dibenarkan sama sekali di antara seorang ahli akademik dan pelajar apabila:
  - Pelajar itu mendaftar untuk mengikuti kursus yang diajar oleh ahli akademik tersebut dan gred akhirnya belum diterima;
  - Ahli akademik tersebut merupakan penasihat akademik atau penyelia kepada pelajar, atau merupakan ahli jawatankuasa bagi pemeriksaan tesis atau disertasi pelajar berkenaan; atau
  - Kegiatan pelajar tersebut dinilai atau diselia oleh staf akademik berkenaan (contohnya: Pengetua/Penyelia Asrama, Penasihat Persatuan/Kelab yang dianggotai pelajar dan sebagainya).
- 3.2.3 Sekiranya terdapat hubungan yang tidak jelas di antara seseorang pelajar dan seseorang ahli akademik yang mungkin boleh memberi kesan ke atas penilaian akademik atau peluang kerjaya kepada pelajar tersebut secara tidak langsung, prinsip etika akademik masih perlu diikuti.
- 3.2.4 Prinsip-prinsip yang dinyatakan di **Perkara 3.2** ini juga turut digunakan kepada perhubungan di antara staf bukan akademik dengan pelajar.

### **3.3 PERHUBUNGAN PENYELIA DAN STAF BAWAHAN**

Perhubungan yang dimaksudkan di **Perkara 3.1.4** adalah merangkumi situasi seperti berikut:

- 3.3.1 Penyelia tersebut mempunyai kuasa untuk menentukan ganjaran atau sekatan ke atas staf bawahan yang berkenaan;
- 3.3.2 Penyelia tersebut menilai prestasi kerja staf bawahan yang berkenaan; atau
- 3.3.3 Ketua kumpulan yang menyelia pembahagian kerja ahli kumpulannya.

### **3.4 PERHUBUNGAN SESAMA RAKAN SEKERJA/ SEKUMPULAN**

Perhubungan yang dimaksudkan di **Perkara 3.1.2** dan **Perkara 3.1.3** adalah merangkumi situasi seperti berikut:

- 3.4.1 Perhubungan seseorang ahli akademik dengan ahli akademik yang lain;
- 3.4.2 Perhubungan seseorang pelajar dengan pelajar yang lain; atau
- 3.4.3 Perhubungan seseorang staf bukan akademik dengan seorang staf yang lain.

### **3.5 PERHUBUNGAN AHLI KOMUNITI UNIVERSITI DENGAN PIHAK LUAR**

Perhubungan yang dimaksudkan di **Perkara 3.1.5** adalah merangkumi situasi hubungan di antara staf atau pelajar Universiti dengan pihak luar yang berurusan dengan warga UM termasuklah:

- 3.5.1 Pelawat dan Pelanggan Universiti;
- 3.5.2 Pengguna kemudahan Universiti;
- 3.5.3 Syarikat pembekal;
- 3.5.4 Pekerja pembinaan; dan
- 3.5.5 Lain-lain

## **4. PENGERTIAN EKSPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL**

### **4.1 TAKRIF EKSPLOITASI DAN PENGANIAYAAN SEKSUAL**

*The UN Secretary-General Bulletin (“Special Measures for Protection from Sexual Exploitation and Abuse, ST/SGB/2003/13”)<sup>6</sup>* telah memperkenalkan definisi eksplotasi dan penganiayaan seksual sebagai berikut yang terpakai kepada semua sektor dan konteks:

“Eksplotasi Seksual” adalah apa-apa bentuk penyalahgunaan atau cubaan menyalahgunakan kedudukan di atas sesuatu kelemahan, perbezaan kuasa atau kepercayaan untuk tujuan seksual, termasuk, tetapi tidak terhad kepada keuntungan kewangan, faedah sosial atau politik daripada eksplotasi seksual terhadap seseorang yang lain.

“Penganiayaan Seksual” merupakan pencerobohan fizikal bersifat seksual secara sebenar atau ancaman, sama ada melibatkan kekerasan, atau dalam keadaan ketidaksamaan kedudukan atau paksaan.

Perlakuan Eksplotasi dan Penganiayaan Seksual berikut yang melibatkan staf atau pelajar dan pelanggan Universiti adalah dilarang:

- 4.1.1 Perlakuan seksual dengan kanak-kanak (individu di bawah 18 tahun) adalah dilarang sama sekali, tanpa mengira usia majoriti dan usia yang dibenarkan mengikut undang-undang yang berkuatkuasa. Alasan bahawa mereka tidak tahu umur sebenar seseorang tidak dapat dijadikan sebab pembelaan dan pemberian.
- 4.1.2 Pertukaran wang, pekerjaan, barang atau perkhidmatan untuk layanan seksual, termasuk memalukan, merendah-rendahkan, menyinggung, menghina dan mengugut adalah dilarang.
- 4.1.3 Sebarang hubungan seksual di antara yang menawarkan perkhidmatan dengan penerima atau peserta program, aktiviti atau misi bantuan yang melibatkan salah guna pangkat atau kuasa adalah dilarang.

<sup>6</sup> United Nations. (2013). *The UN Secretary-General Bulletin Special Measures for Protection from Sexual Exploitation and Abuse, ST/SGB/2003/13*. <https://www.unhcr.org/en-us/protection/operations/405ac6614/secretary-generals-bulletin-special-measures-protection-sexual-exploitation.html>

## **4.2 TAKRIF GANGGUAN SEKSUAL**

Gangguan seksual adalah sebarang bentuk perhatian seksual, baik yang diucapkan atau perbuatan bersifat seksual yang tidak diingini atau tidak disenangi, yang juga boleh berlaku secara berulang-ulang, dan termasuklah:

- 4.2.1 Penerimaan atau persetujuan kepada perbuatan tersebut dinyatakan secara tersurat atau tersirat sebagai satu syarat mengenai kedudukan atau peluang pekerjaan atau penerimaan dalam satu-satu kursus, program atau aktiviti-aktiviti lain.
- 4.2.2 Penerimaan atau penolakan perbuatan tersebut digunakan sebagai asas untuk sebarang keputusan mengenai pekerjaan atau pendidikan seseorang.
- 4.2.3 Perbuatan tersebut menyebabkan atau bertujuan menghasilkan gangguan kepada pekerjaan, prestasi pendidikan atau status seseorang.
- 4.2.4 Perbuatan tersebut menyebabkan atau bertujuan menghasilkan satu persekitaran yang penuh tekanan, ancaman atau permusuhan.

## **4.3 KATEGORI GANGGUAN SEKSUAL**

Gangguan seksual boleh dikategorikan kepada:

### **4.3.1 Ugutan Seksual (*Sexual Coercion*)**

Ugutan seksual ialah gangguan seksual yang ditanggap oleh seseorang sebagai menjadi syarat bersifat seksual ke atas pekerjaannya atau pembelajarannya atau faedah berkenaan pekerjaannya (“quid pro quo”). Gangguan ini mempunyai kesan langsung kepada kedudukan seseorang staf, status pekerjaan seseorang staf atau prestasi akademik seseorang pelajar atau membawa kepada keuntungan atau kerugian faedah pekerjaan yang nyata seperti pelantikan ke jawatan tertentu, kenaikan pangkat yang sukar ditolak, sokongan untuk mendapat anugerah cemerlang atau anjakan gaji, peluang atau sokongan untuk menghadiri seminar ke luar negeri, sokongan serta kelulusan permohonan bantuan kewangan, cuti dan sebagainya. Contoh ugutan seksual adalah apabila seseorang Ketua menggunakan kuasanya mengenai kenaikan pangkat anak buahnya dengan memaksanya untuk membuat hubungan seksual. Jika diikuti, dapatlah kenaikan pangkat dan gaji yang lebih tinggi. Sebaliknya jika tidak diikuti, hilanglah peluang kenaikan pangkat tersebut. Contoh dalam konteks pihak pelajar pula adalah apabila, terdapat tekanan untuk menerima amalan ‘seks untuk gred yang baik’. Bagi pihak luar pula, ianya adalah apabila seseorang staf meminta layanan seksual daripada orang awam yang berurusan dengannya untuk meluluskan sesuatu permohonan atau mendapatkan tender sesuatu projek.

### **4.3.2 Pengacauan Seksual (*Sexual Annoyance*)**

Pengacauan seksual ialah perlakuan seksual yang dianggap menghina atau memalukan, mengancam keselamatan peribadi dan tidak disenangi kepada yang digangu, tetapi tidak mempunyai kaitan langsung dengan peluang pekerjaan atau faedah pekerjaan seseorang. Walau bagaimanapun, perlakuan yang mengganggu itu menghasilkan persekitaran yang tidak tenteram, tidak sihat dan tidak selamat. Keadaan ini terpaksa dihadapi oleh yang digangu jika dia masih berterusan berada di dalam persekitaran tersebut. Contoh pengacauan seksual ini adalah ajakan untuk bermesra di antara sesama staf atau sesama pelajar yang telah ditolak dengan jelas oleh yang digangu. Kejadian seperti seorang ejen syarikat pembekal yang digangu oleh seorang staf, adalah termasuk dalam kategori ini. Walau bagaimanapun apabila staf tersebut mengancam untuk memburukkan nama ejen berkenaan kepada pengurus syarikat jika dia tidak menerima gangguan itu, kejadian ini termasuk dalam kategori ugutan seksual.

## **4.4 BENTUK-BENTUK GANGGUAN SEKSUAL**

Gangguan seksual boleh dilakukan oleh seseorang individu atas kapasiti peribadinya atau juga atas kapasiti aktiviti kumpulan. Gangguan seksual terdapat dalam pelbagai bentuk seperti berikut:

### **4.4.1 Gangguan Secara Lisan**

Bentuk gangguan ini dapat dilihat dalam penggunaan bahasa lucah melalui perbualan, bercerita, berjenaka, membuat bunyi-bunyian, memberi kritikan, komen, puji dan mengajukan soalan berunsur seksual ke atas penampilan, pakaian, tingkah laku, tubuh badan atau aktiviti seksual yang dinyatakan secara terang-terangan atau terselindung (berkias) sehingga seseorang berasa tersinggung, terhina, terugut atau terganggu untuk berurusan dengan staf/pelajar berkenaan. Contoh:

- Pernyataan, komen, usikan tentang rupa paras atau tubuh badan wanita, memberi komen tentang saiz buah dada atau punggungnya.
- Permintaan, cadangan untuk hubungan atau layanan seksual.
- Mengajak keluar secara berduaan walaupun telah ditolak berulang kali.
- Perbualan dan keadaan yang biasa bertukar menjadi kurang selesa dan memalukan hanya dengan menyelitkan perkataan, komen, kiasan dan lawak jenaka yang berunsur seksual. Contohnya, apabila seorang wanita sedang berbincang tentang gaji dengan rakan sekerja lelaki atau rakan sejawatnya, rakan tersebut mengatakan “gosok dulu, baru dapat kenaikan”.

### **4.4.2 Gangguan Bukan Lisan (Secara Isyarat)**

Bentuk gangguan ini dipamerkan melalui sikap atau perlakuan seseorang staf/pelajar yang memberi maksud atau gambaran keinginan yang berunsur seksual. Contoh:

- Merenung, menjeling atau memandang dengan tidak sopan yang tertumpu pada bahagian-bahagian tubuh seperti buah dada atau punggung.
- Perbuatan seperti menjilat bibir, memegang atau memakan makanan dengan cara ‘bermakna’ atau berunsur seksual.
- Isyarat tangan atau bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks.
- Mengorat secara berisyarat yang berterusan, contohnya mengenyit mata.

#### **4.4.3 Gangguan Secara Visual**

Perlakuan menghantar nota, surat, mel elektronik (e-mel), gambar (foto), poster, objek, bahan bacaan atau apa-apa mesej melalui pelbagai jenis medium seperti *Short Messaging System* (SMS), *Multimedia Messaging System* (MMS), *WhatsApp*, *Telegram* atau mana-mana ruangan sembang di dalam media sosial yang berunsur seksual melalui penggunaan sebarang bentuk peralatan media, peralatan elektronik atau peralatan komunikasi kepada pengadu yang menyebabkan pengadu berasa tersinggung, terhina atau terugut. Contoh:

- Menunjukkan alat kelaminnya (“flasher”).
- Menunjuk, mempamer atau mengedor gambar/ lakaran/ bahan-bahan berunsur luah.
- Menghantar, mengirim surat/nota bertulis yang berunsur seksual.

#### **4.4.4 Gangguan Psikologi**

Perbuatan cuba merapati secara seksual, mendorong, mendesak, mengugut atau memujuk rayu bagi memenuhi keinginan seksual penganggu sama ada melalui surat, telefon, e-mel atau sebarang bentuk medium komunikasi kepada pengadu sehingga menimbulkan tekanan emosi dan mental ke atas pengadu. Contoh:

- Jemputan sosial yang tidak diingini yang berulang-ulang.
- Ajakan, rayuan berterusan untuk temu janji atau kegiatan berunsur seksual.
- Gangguan berunsur seksual yang menghasilkan ketakutan mental.

#### **4.4.5 Gangguan Fizikal**

Gangguan seksual berbentuk sentuhan fizikal yang berunsur seksual seperti mendekati orang lain dalam jarak yang terlalu dekat sehingga orang tersebut berasa kurang selesa, memegang, menggesel, mengeletek, memeluk, menepuk, mengusap, menggosok, mencubit, memiciti, mencium, meraba atau sebarang bentuk sentuhan lain yang berunsur seksual yang tidak diingini sehingga menyebabkan pengadu berasa tersinggung, terhina atau terugut. Contoh:

- Bos yang memberikan pelukan yang membolehkannya menyentuh payu dara atau punggung.
- Pensyarah yang dengan sengaja berada terlalu hampir dengan pelajar dengan alasan menyemak tugas pelajar atau sebaliknya.
- Mereka yang sentiasa menyentuh rakan dengan cara yang tidak menyenangkan semasa berurusian.

#### **4.5 SERANGAN SEKSUAL**

Perlakuan, ugutan atau cubaan, untuk menyentuh bahagian sulit seseorang yang lain; perlakuan untuk memaksa seseorang untuk membuat hubungan seks; menanggalkan pakaian seseorang dengan tiada sebab munasabah adalah tergolong dalam perbuatan serangan seksual. Walau bagaimanapun, perlakuan serangan seksual seperti tertera di sini adalah tidak terhad kepada perlakuan yang dinyatakan sahaja. Pesalah serangan seksual juga boleh diambil tindakan mengikut undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

## **5. PROSEDUR PENERIMAAN DAN PENYIASATAN KES EKSPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL**

### **5.1 Pengenalan kepada Prosedur Penerimaan dan Penyiasatan Kes Eksploitasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual**

- 5.1.1 Prosedur ini dihasilkan untuk membantu pihak Universiti menjalankan penyiasatan yang penuh dan adil terhadap semua aduan eksploitasi, penganiayaan dan gangguan seksual yang diajukan kepada Unit Integriti. Aduan boleh dibuat oleh warga Universiti mahupun pihak luar.
- 5.1.2 Aduan mengenai eksploitasi, penganiayaan dan gangguan seksual mestilah disiasat di atas prinsip anggapan tidak bersalah dan siasatan mesti dijalankan secara sulit dan mematuhi isu sensitiviti di kalangan semua pihak yang terbabit. Prosedur siasatan juga perlu diaplikasikan dengan mematuhi prinsip etika dan integriti yang tinggi pada sepanjang masa supaya siasatan sentiasa dikendalikan secara beretika.
- 5.1.3 Prosedur ini bukan merupakan dokumen yang statik di mana iaanya boleh dipinda atau diubahsuai sewajarnya oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti mengikut keperluan dan kesesuaian semasa.

### **5.2 Prosedur Penerimaan dan Penyiasatan Kes Eksploitasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual**

#### **5.2.1 Aduan Mengenai Eksploitasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual**

- (a) Unit Integriti (UI) dipertanggungjawabkan untuk menerima sebarang aduan mengenai eksploitasi, penganiayaan dan gangguan seksual yang diajukan oleh warga Universiti mahupun pihak luar, dan membuat siasatan awal ke atas aduan tersebut. UI mesti mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk memastikan semua maklumat dan bukti diperolehi.
- (b) Sebarang kejadian eksploitasi, penganiayaan dan gangguan seksual yang berlaku hendaklah diadukan secara rasmi ke Unit Integriti UM, dengan mengisi **Borang Aduan** yang ditetapkan yang boleh dicapai di **Laman Web Unit Integriti** atau **secara e-mel ke e-mel rasmi Unit Integriti ([integrity@um.edu.my](mailto:integrity@um.edu.my))** dan mengemukakan maklumat serta bukti sebanyak mungkin untuk memastikan perkara itu boleh disiasat dengan baik dan adil.
- (c) Aduan boleh juga dibuat oleh seseorang selain daripada mangsa yang dieksploitasi, dianiaya atau diganggu seksual tertakluk kepada individu tersebut mempunyai maklumat atau menjadi saksi kepada perlakuan berkenaan yang berlaku ke atas atau dilakukan oleh seseorang pelajar, staf atau pihak luar. Individu berkenaan hendaklah memberi keterangan yang mencukupi berhubung kejadian yang dialami oleh mangsa itu.

- (d) Jika kejadian terjadi selepas waktu pejabat dan/atau semasa hujung minggu dan/atau pada cuti kelepasan am, pemberi maklumat/pengadu boleh mengemukakan aduan secara rasmi kepada pihak berkuasa yang berkenaan (seperti pihak polis, Pejabat Keselamatan UM atau mana-mana penyedia perkhidmatan keselamatan atau perundangan seperti di **Perkara 11.2**) dan mengemukakan aduan yang sama secara rasmi kepada UI secepat mungkin selepas itu.
- (e) Jika aduan dibuat kepada Ketua PTJ dan/atau Ketua Jabatan, Ketua PTJ dan/atau Ketua Jabatan yang berkenaan boleh mengarahkan atau menasihatkan pemberi maklumat/pengadu tersebut untuk mengemukakan aduan secara rasmi ke UI.
- (f) UI akan mengeluarkan akuan penerimaan aduan dan memaklumkan kepada pemberi maklumat/pengadu mengenai prosedur yang terlibat serta mengambil langkah-langkah tertentu untuk menjalankan siasatan awal bagi mengesahkan sama ada aduan yang dikemukakan mempunyai asas atau tidak untuk siasatan lanjut (dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh aduan dikemukakan).
- (g) Pemberi maklumat/pengadu hendaklah dimaklumkan bahawa beliau mempunyai pilihan sama ada untuk meneruskan tindakan dalaman oleh pihak Universiti atau membuat laporan kepada pihak berkuasa yang berkenaan. (Pengadu akan diminta mengisi borang pilihan yang ditetapkan). Siasatan dalaman masih boleh diteruskan oleh pihak Universiti walaupun aduan telah dibuat kepada pihak berkuasa selagi mana ianya tidak memprejudis siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak berkuasa.
- (h) Sekiranya pemberi maklumat/ pengadu merupakan mangsa kepada kejadian eksloitasi, penganiayaan atau gangguan seksual, mangsa boleh dirujuk kepada pegawai psikologi/ kaunselor untuk menerima bantuan sokongan sekiranya dipersetujui.

### 5.2.2 Proses Siasatan Awal

- (a) Proses siasatan awal ke atas aduan yang diterima hendaklah dilakukan oleh UI dengan segera untuk mengenalpasti sama ada aduan tersebut;
- (i) adalah serius dan memerlukan siasatan rasmi oleh Panel Pasukan Penyiasat; atau
  - (ii) tidak berasas dan aduan perlu ditolak; atau
  - (iii) berpuncu dari salah faham atau pertikaian di antara individu-individu dan boleh diselesaikan secara perbincangan tidak formal atau cara lain seperti mediasi dan diputuskan melalui penyelesaian persetujuan; atau
  - (iv) telah dibuat dengan niat jahat, dan sekiranya terbukti, suatu tindakan perlu diambil terhadap pemberi maklumat/pengadu; atau
  - (v) telah dibuat dengan niat baik dan walaupun tidak berasas, pemberi maklumat/pengadu akan dilindungi daripada apa-apa bentuk hukuman/tindakan balas.

- (b) Pihak yang menjalankan siasatan awal ini mempunyai kuasa untuk mengakses semua sumber, maklumat dan dokumen yang relevan dan boleh menjalankan pemeriksaan tapak, jika perlu, supaya dapat memenuhi objektif siasatan awal. Sekiranya UI berpendapat bahawa salah laku yang diadukan memerlukan penglibatan segera atau dimaklumkan kepada badan/pihak berkuasa tertentu, maka UI akan melaporkan perkara ini kepada pihak berkuasa yang relevan tersebut selepas berunding dengan Naib Canselor. Keputusan yang diperolehi akan dimaklumkan kepada pemberi maklumat/pengadu.
- (c) Sekiranya UI berpendapat bahawa aduan salah laku tersebut tertakluk kepada suatu tindakan tatatertib, UI hendaklah memulakan proses atau tindakan untuk melaporkan aduan tersebut kepada Sekretariat Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan berdasarkan kepada peraturan dan prosedur yang mengawal suatu tindakan tatatertib. Proses tindakan tatatertib tersebut akan diutamakan dan mendahului Prosedur ini dan semua dokumen yang berkaitan akan diserahkan kepada jawatankuasa tatatertib yang berkenaan. Perkara ini akan dimaklumkan kepada pemberi maklumat/pengadu.
- (d) Jika UI berpendapat bahawa aduan tersebut perlu disiasat secara lebih lanjut, UI akan mengambil tindakan untuk suatu Panel Pasukan Penyiasat (PPP) ditubuhkan seperti yang ditetapkan di **Perkara 5.2.3** di bawah. UI akan menyerahkan semua dokumen yang berkaitan dan kertas kerja siasatan awal kepada PPP tersebut dan memaklumkan perkara ini kepada pemberi maklumat/pengadu. Sekiranya PYD adalah staf, UI juga akan mengambil tindakan untuk mengemukakan perakuan kepada Jawatankuasa Tatatertib agar Pihak Yang Diadukan (PYD) ditahan kerja dalam tempoh siasatan dijalankan.
- (e) UI perlu bekerjasama dengan pihak lain contohnya PTJ, Jabatan, Pejabat Keselamatan, Kolej Kediaman dan sebagainya untuk mengawasi keadaan dan memastikan tiada tindakan negatif (“retaliatory action”) diambil terhadap pemberi maklumat/pengadu atau mangsa.

### 5.2.3 Prosedur untuk Menjalankan Siasatan

- (a) Sekiranya UI berpendapat bahawa aduan tersebut perlu disiasat dengan lebih lanjut, UI hendaklah mengambil tindakan untuk suatu PPP ditubuhkan seperti berikut:

Perkara Yang Diadukan	Pihak Berkuasa Melantik/Menubuahkan
Aduan yang melibatkan staf Kumpulan Pelaksana (Gred 1 – 40)	Ketua yang mengetuai pentadbiran Sumber Manusia
Aduan yang melibatkan staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 dan ke atas) (Bukan Akademik)	Pendaftar
Aduan yang melibatkan staf Akademik (Gred 45 – JUSA dan ke atas)	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aduan yang melibatkan Jawatankuasa Pengurusan Universiti	Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
Aduan yang melibatkan pelajar	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

- (b) PPP akan bersidang untuk meneliti dan memeriksa dokumen-dokumen serta bukti yang telah dikumpulkan semasa proses siasatan awal dan melanjutkan siasatan.
- (c) Di dalam menjalankan siasatannya, PPP hendaklah mendapatkan keterangan daripada pihak-pihak yang berkaitan dengan aduan yang dikemukakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemberi maklumat/pengadu, mangsa (sekiranya mangsa bukan pemberi maklumat/pengadu), PYD dan saksi-saksi yang relevan atau dinamakan oleh pemberi maklumat/pengadu, jika ada.
- (d) Mangsa atau PYD boleh membawa mana-mana pihak lain sebagai pemerhati ("watching brief") semasa beliau dipanggil oleh PPP untuk memberikan keterangan tertakluk kepada mangsa atau PYD memaklumkan dan mendapat persetujuan PPP terlebih dahulu. Pemerhati ini adalah berperanan untuk memberikan sokongan moral kepada mangsa atau PYD tetapi tidak boleh menjawab atau mempersoalkan sebarang keterangan bagi pihak mangsa atau PYD.
- (e) PYD hendaklah diberi peluang untuk mempertahankan diri beliau dan mengemukakan saksi, jika ada, serta bukti-bukti lain yang berkaitan. Untuk memberikan keadilan kepada PYD, beliau boleh dimaklumkan fakta kejadian yang diadukan tanpa mendedahkan identiti mangsa atau pemberi maklumat/pengadu. Walaubagaimanapun, sekiranya dalam keadaan tertentu identiti mangsa perlu dimaklumkan kepada PYD supaya PYD mendapat maklumat atau fakta yang lebih lengkap untuk mempertahankan diri beliau, perkara ini hendaklah dimaklumkan kepada mangsa terlebih dahulu.
- (f) Keseluruhan proses siasatan hendaklah direkod dan didokumentasikan.
- (g) Jika terdapat penemuan-penemuan lain secara kebetulan (incidental finding) semasa siasatan berjalan yang mencadangkan salah laku yang lain dari aduan yang asal yang melibatkan orang lain atau isu-isu lain, penemuan tersebut mesti dilaporkan kepada UI untuk siasatan awal berkenaan penemuan lain tersebut.
- (h) PPP hendaklah menyediakan rekod keterangan yang diperolehi daripada setiap pihak yang dipanggil memberikan keterangan. Salinan rekod keterangan tersebut hendaklah diserahkan kepada pihak-pihak yang diambil keterangan untuk mengesahkan ketepatan butir-butir fakta yang terkandung di dalam rekod keterangan tersebut. Sebarang pindaan yang perlu dibuat mesti dipersetujui oleh PPP dan pihak yang terlibat.

- (i) Seterusnya, apabila selesai siasatan, PPP hendaklah menghasilkan laporan terperinci berkenaan penemuannya yang mengandungi:
- (i) ringkasan siasatan termasuk aduan, isu-isu relevan, bukti dan lain-lain;
  - (ii) kenyataan sama ada aduan dikekalkan sepenuhnya, atau sebahagiannya, atau tidak dikekalkan berserta dengan alasan-alasan bagi daptan tersebut, dan jika ada, pendapat-pendapat lain yang berkaitan;
  - (iii) pengesyoran tindakan selanjutnya; dan
  - (iv) hal-hal prosedural dan polisi atau penambahbaikan yang timbul sepanjang siasatan dijalankan.
- (j) Beban pembuktian (“burden of proof”) yang diguna pakai oleh PPP dalam menentukan daptannya adalah berdasarkan kepada imbang kebarangkalian (“on the balance of probabilities”).
- (k) Dalam membuat pengesyoran tindakan selanjutnya, seperti dinyatakan di **Perenggan (i) (iii)** di atas, PPP boleh membuat perakuan sama ada aduan mengenai eksplorasi, penganiayaan atau gangguan seksual tersebut:
- (i) berasas dan perlu dirujuk untuk tindakan tatatertib selari dengan fakta dan keseriusan perlakuan yang berkenaan. Tindakan tatatertib yang diambil adalah berdasarkan kepada peruntukan yang terkandung dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] bagi kes yang melibatkan staf atau Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 bagi kes yang melibatkan pelajar. [Sesalinan Akta 605 adalah seperti di **Lampiran A** dan sesalinan Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 adalah seperti di **Lampiran B** untuk rujukan];
  - (ii) tidak berasas dan aduan perlu ditolak;
  - (iii) berpunca dari salah faham atau pertikaian di antara individu-individu dan boleh diselesaikan secara penyelesaian persetujuan seperti di **Lampiran C1** dan **Lampiran C2**;
  - (iv) aduan telah dibuat dengan niat jahat, dan, suatu tindakan (sama ada tindakan disiplin atau bukan disiplin) perlu diambil terhadap pemberi maklumat/pengadu. Contoh tindakan yang boleh diperakuan ialah tindakan tatatertib atau amaran pentadbiran atau penamatkan jawatan pentadbiran yang sedang disandang atau disenarai hitam daripada memegang jawatan pentadbiran di Universiti dan sebagainya.
  - (v) tidak berasas tetapi kerana aduan dibuat dengan niat baik, pemberi maklumat/pengadu akan dilindungi daripada apa-apa bentuk hukuman/tindakan balas; dan atau.

- (vi) adalah kesalahan jenayah dan mencadangkan laporan dibuat oleh pemberi maklumat/pengadu atau mangsa kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Tindakan selanjutnya masih boleh diambil terhadap PYD selagi mana ianya tidak memprejudis siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak berkuasa.
- (l) PPP hendaklah menjalankan siasatannya dan menyediakan laporan seperti dinyatakan di **Perenggan (i)** di atas dalam tempoh **enam puluh hari (60) hari** dari tarikh PPP ditubuhkan. Laporan PPP hendaklah dikemukakan kepada UI untuk semakan lanjut dan bagi tujuan mendapatkan pengesahan atau persetujuan pihak berkuasa yang telah menubuhkan PPP berkenaan.
- (m) UI bertanggung jawab untuk menyemak laporan yang telah disediakan oleh PPP dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh laporan berkenaan diserahkan kepada UI. Sekiranya UI berpendapat bahawa laporan berkenaan tidak lengkap atau memerlukan siasatan lebih lanjut, laporan berkenaan boleh dikemukakan semula kepada PPP untuk disempurnakan.
- (n) Dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh laporan lengkap dan muktamad telah diterima, UI bertanggung jawab untuk mengemukakan laporan tersebut kepada pihak berkuasa yang telah menubuhkan PPP bagi mendapatkan kelulusan/persetujuannya atau apa-apa arahan lain sewajarnya.
- (o) Laporan akhir yang telah dimuktamadkan ini akan disimpan sebagai rekod selamat oleh UI beserta semua dokumentasi atau bukti yang dikumpul semasa siasatan dijalankan. Hasil dapatan daripada siasatan yang dijalankan dan apa-apa perakuan tindakan yang disyorkan oleh PPP hendaklah dimaklumkan kepada pemberi maklumat/pengadu atau mangsa dan PYD, di mana berkaitan, dalam tempoh **tujuh (7) hari** daripada tarikh keputusan pihak berkuasa terhadap laporan PPP diterima oleh UI.
- (p) Pemberi maklumat/pengadu atau mangsa boleh mengemukakan pandangan atau maklumbalas terhadap hasil dapatan PPP dalam tempoh **empat belas (14) hari** daripada tarikh keputusan dimaklumkan kepada pemberi maklumat/pengadu. PPP boleh bersidang semula untuk melihat dan mempertimbangkan maklum balas yang diterima daripada pemberi maklumat/pengadu atau mangsa. Apa-apa keputusan PPP selepas itu adalah **MUKTAMAD**.
- (q) UI adalah bertanggungjawab untuk memastikan kes-kes yang diperakukan untuk tindakan tatatertib atau tindakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan, di mana berkaitan, dirujuk untuk pertimbangan Jawatankuasa Tatatertib atau pihak berkuasa tersebut, dalam tempoh tidak lewat daripada satu (1) bulan daripada tarikh keputusan pihak berkuasa terhadap laporan PPP diterima oleh UI seperti di **Perenggan (o)** di atas. Seboleh mungkin tempoh penyelesaian tindakan tatatertib oleh Jawatankuasa Tatatertib adalah dalam masa minimum **sembilan puluh (90) hari** daripada tarikh tindakan tatatertib dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib.

- (r) Sekiranya aduan yang dikemukakan melibatkan mangsa dalam kategori kanak-kanak (berumur di bawah 18 tahun), proses pengendalian siasatan hendaklah mengambil kira tatacara yang bersesuaian dengan kanak-kanak sepetimana yang dinyatakan di dalam garis panduan dan undang-undang yang berkuatkuasa yang berkaitan dengan pengendalian kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.

## **6. KERAHSIAAN**

- 6.1 Dakwaan eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual adalah satu dakwaan yang serius dan boleh menjaskan reputasi seseorang walaupun tidak dapat dibuktikan. Oleh itu, aspek kerahsiaan perlu diberi penekanan di setiap peringkat tindakan yang diambil oleh semua pihak yang terlibat untuk menjaga maruah dan reputasi pemberi maklumat/pengadu atau mangsa, PYD, PTj, Jabatan serta Universiti secara keseluruhannya.
- 6.2 Walaupun begitu, jika mana-mana pihak yang terlibat di dalam menjalankan siasatan atau tindakan tatatertib dipanggil untuk memberikan keterangan di mahkamah, tidak ada halangan undang-undang bagi mereka untuk memberikan keterangan di mahkamah jika diputuskan bahawa keterangan tersebut adalah relevan kepada kes dan tidak bercanggah dengan kepentingan awam.

## **7. LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN DAN PENCEGAHAN KEPADA KES EKSPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL**

Bagi mereka yang terbukti diganggu, atau terbukti disalah tuduh mengganggu, terdapat beberapa langkah perlindungan atau tindakan yang sewajarnya yang boleh diambil, di antaranya:

- 7.1.1 Jika terbukti aduan adalah benar, mangsa boleh mengemukakan rayuan untuk dipertimbangkan semula terhadap segala faedah yang kemungkinan telah dinafikan. Contohnya: penilaian gred kursus, latihan ilmiah, tesis, disertasi, penilaian prestasi, kenaikan pangkat dan sebagainya.
- 7.1.2 Jika mangsa dibuktikan mengalami kerugian kewangan atau terpaksa berhenti kerja atau pengajian akibat daripada eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual yang dihadapinya, maka mangsa boleh mengambil tindakan untuk merujukkan kes beliau kepada pihak-pihak yang berkenaan, misalnya Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia bagi staf untuk mendapatkan pampasan akibat daripada penafian sebarang faedah yang berhak diterimanya. Jika penyelesaian tidak dapat dicapai, mangsa boleh menuntut haknya melalui proses undang-undang.
- 7.1.3 Bagi aduan yang didapati tidak terbukti dan tidak berasas serta dibuat dengan niat jahat, selain daripada tindakan tatatertib terhadap pemberi maklumat/pengadu, PYD juga boleh menuntut haknya melalui tuntutan ganti rugi atau pampasan yang bersesuaian, sekiranya dia telah mengalami kerugian dari segi kewangan, imej dan sebagainya berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkaitan.
- 7.1.4 Sekiranya dipersetujui dan diminta oleh mangsa atau PYD, Pegawai Psikologi/Kaunselor boleh menyediakan perkhidmatan psikologi kepada mangsa atau PYD selepas sesuatu keputusan berhubung dakwaan kes eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual diperoleh sebagai langkah intervensi dan pemulihan kepada kedua-dua pihak yang terlibat. Selain daripada itu, mangsa atau PYD boleh juga dirujuk untuk bantuan sokongan lain seperti berikut:
  - i. **Bantuan Perubatan**  
Sekiranya ada kesan tanda-tanda kecederaan, rasa sakit, serangan seksual – segera rujuk ke klinik/ pusat perubatan terdekat.
  - ii. **Polis**  
Sekiranya mangsa ingin membuat laporan polis atau jika terdapat risiko keselamatan dan keselamatan kepada orang lain.
  - iii. **Khidmat Guaman**  
Sekiranya mangsa ingin mendapatkan nasihat perundangan.
- 7.1.5 Senarai sumber yang boleh dihubungi bagi rujukan bantuan sokongan kes eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual adalah seperti di **Perkara 11**.

## **8. KESAN EKSPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL**

Eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual boleh memberi kesan negatif kepada mangsa dan organisasi seperti yang berikut:

### **8.1 Kesan Eksplorasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual Ke Atas Mangsa**

Mangsa yang mengalami eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual boleh mengalami kesan negatif seperti dari segi fisiologi dan psikologi yang akhirnya memberi kesan kepada organisasi. Antara kesan negatif yang boleh mengganggu kehidupan mangsa ialah seperti berikut:

#### **8.1.1 Kesan Fisiologi**

Dari aspek implikasi fisiologi, orang yang diganggu boleh/mungkin memamerkan gejala-gejala seperti sakit kepala, gangguan tidur (mimpi ngeri), hilang selera makan atau mempunyai berat badan yang sering berubah.

#### **8.1.2 Kesan Psikologi**

Mangsa yang mengalami eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual juga cenderung untuk mengalami kemurungan, kebimbangan, kemarahan, ketakutan, kekecewaan, keaiban, kekeliruan, fobia, panik, berasa rendah diri, tidak berdaya (tidak berupaya), mengasingkan diri atau menyalahkan diri sendiri sehingga boleh membawa kepada cubaan membunuh diri.

#### **8.1.3 Kesan Kerjaya**

Mangsa cenderung untuk mengasingkan diri, mengelakkan diri untuk hadir ke pejabat, mengalami penurunan tahap kepuasan atau prestasi kerja, kehilangan pekerjaan atau peluang kenaikan pangkat, mengubah matlamat kerjaya, hilang fokus belajar dan gagal dalam peperiksaan.

#### **8.1.4 Kesan Kepada Masyarakat**

Gangguan seksual amnya boleh memudaratkan hubungan kekeluargaan, hubungan di tempat kerja serta meninggalkan kesan negatif kepada produktiviti. Amnya, ianya juga boleh memberikan kesan dari segi kos kesihatan, dan kos dari segi cuti sakit yang meningkat dan melatih pekerja yang baru. Maka, langkah-langkah pencegahan dan polisi yang tidak bertoleransi kepada gangguan seksual adalah penting.

## **8.2 Kesan Kes Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual Kepada Organisasi**

Organisasi juga boleh mengalami kesan negatif seperti berikut:

- 8.2.1 Dari aspek pelaksanaan tugas dan prestasi program pengajian, staf yang mengalami eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual cenderung mempamerkan penurunan produktiviti, kualiti dan motivasi manakala bagi pelajar pula cenderung mempamerkan pencapaian yang tidak memberansangkan;
- 8.2.2 Staf atau pelajar juga cenderung untuk meletakkan jawatan atau berhenti daripada program pengajian sebagai pilihan terakhir sekiranya staf berasakan gangguan seksual telah menjadi lebih serius;
- 8.2.3 Tindakan pelajar berhenti daripada pengajian merupakan suatu kerugian kepada Universiti khususnya jika pelajar tersebut adalah pelajar yang mempunyai potensi dan cemerlang dalam akademik dan kurikulum; dan
- 8.2.4 Sekiranya eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual melibatkan pihak luar, imej staf dan organisasi juga turut terjejas apabila isu eksplotasi, penganiayaan dan gangguan seksual diwar-warkan kepada umum.

## **9. MENANGANI KESAN EKSPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL KE ATAS MANGSA, PIHAK YANG DIADUKAN (PYD) DAN KETUA JABATAN**

9.1 Mangsa boleh menangani kesan eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual dengan cara:

- 9.1.1 memaklumkan kejadian eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual kepada orang lain agar mereka dapat memberikan sokongan, meningkatkan kesedaran orang lain dari mengalami kejadian yang sama dan mengemukakan aduan sekiranya mereka juga pernah mengalami eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual; dan
- 9.1.2 mendapatkan bantuan psikologi daripada Pegawai Psikologi/Kaunselor atau ahli profesional kesihatan mental atau kumpulan sokongan yang berkaitan yang boleh mengendalikan kesan eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual.

9.2 PYD boleh menangani kesan eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual dengan cara:

- 9.2.1 mendapatkan bantuan psikologi daripada Pegawai Psikologi/Kaunselor atau ahli profesional kesihatan mental yang boleh membantu PYD menghentikan perlakuan eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual; dan
- 9.2.2 menghadiri bengkel, kursus atau program pemahaman eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual.

9.3 Ketua Jabatan boleh menangani kesan eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual dengan cara:

- 9.3.1 memberi pemahaman dan mewujudkan kesedaran berhubung perlakuan eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual di kalangan warga Jabatan;
- 9.3.2 mewujudkan dan memelihara suasana yang kondusif di Jabatan serta bebas daripada perlakuan eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual;
- 9.3.3 merujuk mangsa yang mengalami eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual untuk mendapatkan perkhidmatan psikologi dan khidmat sokongan lain; dan
- 9.3.4 mengambil tindakan berdasarkan polisi dan peraturan sedia ada yang berkuatkuasa.

## **10. PROGRAM MENINGKATKAN KESEDARAN, PENDIDIKAN DAN PENCEGAHAN KEPADA EKSPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL DI UNIVERSITI MALAYA (UM)**

Tidak dapat dinafikan bahawa satu elemen penting dalam usaha untuk mencegah kejadian eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual daripada berlaku adalah melalui penganjuran program meningkatkan kesedaran dan pendidikan mengenai eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual.

Bagi maksud ini, UM bertanggungjawab untuk membentuk, mengembang dan melaksanakan program meningkatkan kesedaran dan pendidikan mengenai eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual yang menyeluruh untuk seluruh warga universiti. Program peningkatan kesedaran ini juga turut merangkumi pendidikan mengenai eksplorasi dan penganiayaan seksual kepada mana-mana gender dan kumpulan orang termasuklah kanak-kanak.

Antara program atau aktiviti yang boleh diadakan termasuklah:

- (a) Program untuk pelajar dan staf baharu serta mengembangkannya dengan program susulan, contohnya semasa minggu orientasi atau Minggu Haluan Siswa (MHS)/ UM-WOW (“UM Week of Welcome”) dan melalui Program Transformasi Minda (PTM).
- (b) Melatih pelajar dan staf tertentu dalam struktur rasmi pentadbiran universiti serta dari persatuan pelajar dan kesatuan sekerja dengan maklumat tentang polisi eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual, mekanisme pelaporan serta prosedur siasatan dan rujukan untuk kaunseling andainya perlu untuk rakan yang menjadi mangsa eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual. Tumpuan harauslah kepada pemahaman dan pengendalian kes gangguan seksual secara peka gender.
- (c) Memberi kefahaman kepada staf Kolej Kediaman dan fasilitator orientasi tentang hal-hal berkaitan masalah eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual serta pengendaliannya secara peka gender.
- (d) Menjalankan atau bekerjasama dengan persatuan pelajar dan kesatuan sekerja untuk menjalankan ceramah/seminar/ bengkel dan sebagainya mengenai masalah eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual dari perspektif yang peka gender.
- (e) Merancang dan melaksanakan hebahan tentang wujudnya polisi dan hal-hal lain yang berkaitan dengan eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual. Secara spesifiknya, ketampakan polisi dan mekanisma pengaduan dapat ditekankan dalam satu risalah yang diletakkan di lokasi-lokasi yang strategik di jabatan-jabatan, tempat penginapan pelajar di kampus dan pejabat pentadbiran dengan nombor telefon dan e-mel terkini untuk aduan digariskan dengan jelas. Amnya, hebahan juga boleh dibuat melalui edaran poster, *flyers*, *booklet*, laman web PTJ dan sebagainya dari masa ke semasa.

- (f) Bekerjasama untuk menganjurkan bengkel, seminar, syarahan dan lain-lain yang berkenaan dengan eksloitasi, penganiayaan dan gangguan seksual bersama dengan mana-mana pihak di dalam dan luar Universiti termasuklah memberi timbal balas mengenai kurikulum dan kursus, dan bekerjasama untuk mendapatkan data mengenai eksloitasi, penganiayaan dan gangguan seksual.
- (g) Memberikan khidmat nasihat asas dan rujukan berkaitan masalah eksloitasi, penganiayaan dan gangguan seksual.
- (h) Mewujudkan butang panik di lokasi-lokasi strategik di universiti.
- (i) Menghebahkan maklumat statistik berkaitan kes eksloitasi, penganiayaan dan gangguan seksual yang diterima yang boleh terdiri daripada maklumat berikut:
  - (i) jumlah bilangan kes yang dilaporkan;
  - (ii) jumlah pelaku dan mangsa dari segi jantina;
  - (iii) jumlah pelaku dan mangsa sama ada merupakan pelajar, staf kumpulan pelaksana, staf kumpulan pengurusan dan profesional bukan akademik, staf akademik, jawatankuasa pengurusan universiti atau pihak luar; dan atau
  - (iv) jumlah kes dari segi kategori dan bentuk eksloitasi, penganiayaan dan gangguan seksual seperti yang tersenarai di dalam polisi ini; dan jumlah kes yang didapati berasas dan jenis-jenis tindakan disiplin yang dikenakan.

# 11. SUMBER-SUMBER MAKLUMAT DAN BANTUAN

Warga UM boleh mendapatkan maklumat dan bantuan mengenai masalah eksplorasi, penganiayaan dan gangguan seksual daripada sumber-sumber yang berikut:

## 11.1 Sumber Maklumat

### AKADEMI/ FAKULTI/ PUSAT

1. **Pusat Asasi Sains Universiti Malaya**  
Pejabat Pengarah  
Tel: +603-7967 5800/ 5821/ 5849  
Fax: +603-7957 6478  
E-mel: [pasum@um.edu.my](mailto:pasum@um.edu.my)
2. **Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)**  
Pejabat Pengarah  
Tel: +603-2246 3633  
Fax: +603-2246 3621  
E-mel: [umcced@um.edu.my](mailto:umcced@um.edu.my)
3. **Pusat Sukan dan Sains Eksesais**  
Pejabat Pengarah  
Tel: +603-7967 3210  
Fax: +603-7956 9590  
E-mel: [psse@um.edu.my](mailto:psse@um.edu.my)
4. **Fakulti Sastera dan Sains Sosial**  
Pejabat Dekan  
Tel: +603-7967 5500  
Fax: +603-7967 5707  
E-mel: [sastera@um.edu.my](mailto:sastera@um.edu.my)
5. **Fakulti Perniagaan dan Ekonomi**  
Pejabat Dekan  
Tel: +603-7967 3800/ 3600/ 7972  
Fax: +603-7967 3980/ 7971/ +603-7956 7252  
E-mel: [dekan\\_fpe@um.edu.my](mailto:dekan_fpe@um.edu.my)
6. **Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat**  
Pejabat Dekan  
Tel: +603-7967 6300  
Fax: +603-7957 9249  
E-mel: [dekan\\_fsktm@um.edu.my](mailto:dekan_fsktm@um.edu.my)
7. **Fakulti Pergigian**  
Pejabat Dekan  
Tel: +603 -7967 4800  
Fax: +603 -7967 4809  
E-mel: [dekan\\_dental@um.edu.my](mailto:dekan_dental@um.edu.my)
8. **Fakulti Pendidikan**  
Pejabat Dekan  
Tel: +603-7967 5000 / 5133  
Fax: +603-7956 5506  
E-mel: [dekan\\_pendidikan@um.edu.my](mailto:dekan_pendidikan@um.edu.my)

9. **Fakulti Kejuruteraan**  
Pejabat Dekan  
Tel: +603-7967 5200 / 5201 / 5202  
Fax: +603-7955 5781  
E-mel: [engine@um.edu.my](mailto:engine@um.edu.my)
10. **Fakulti Bahasa dan Linguistik**  
Pejabat Dekan  
Tel: +603-7967 3177  
Fax: +603-7957 9707  
E-mel: [dekan\\_fbl@um.edu.my](mailto:dekan_fbl@um.edu.my)
11. **Fakulti Undang-Undang**  
Pejabat Dekan  
Tel: +603-7967 6500/ 6501  
Fax: +603-7957 3239  
E-mel: [law@um.edu.my](mailto:law@um.edu.my)
12. **Fakulti Perubatan**  
Pejabat Dekan  
Tel: +603-7949 2050  
Fax: +603-7954 0533  
E-mel: [fomadmin@um.edu.my](mailto:fomadmin@um.edu.my)
13. **Fakulti Sains**  
Pejabat Dekan  
Tel: +603 - 7967 4200  
Fax: +603- 7956 6343  
E-mel: [science@um.edu.my](mailto:science@um.edu.my)
14. **Fakulti Alam Bina**  
Pejabat Dekan  
Tel: +603-7967 5395  
Fax: +603-7967 5713  
E-mel: [fab@um.edu.my](mailto:fab@um.edu.my)
15. **Fakulti Seni Kreatif**  
Pejabat Dekan  
Tel: +603-7967 3454  
Fax: +603-7967 3576  
E-mel: [creativearts@um.edu.my](mailto:creativearts@um.edu.my)
16. **Akademi Pengajian Islam**  
Pejabat Pengarah  
Tel: +603-7967 6000  
Fax: +603-7956 0705  
E-mel: [aka\\_islam@um.edu.my](mailto:aka_islam@um.edu.my)
17. **Akademi Pengajian Melayu**  
Pejabat Pengarah  
Tel: +603-7967 7200  
Fax: +603-7967 7214  
E-mel: [apm@um.edu.my](mailto:apm@um.edu.my)
18. **Institut Pengajian Termaju (IAS)**  
Pejabat Dekan  
Tel: +603-7967 4600  
Fax: +603-7956 8940  
E-mel: [dekan\\_ias@um.edu.my](mailto:dekan_ias@um.edu.my)

19. **Institut Pengurusan dan Perkhidmatan Penyelidikan (IPPP)**  
Pejabat Pengarah  
Tel: +603-7967 4643  
Fax: +603-7967 4699  
E-mel: [pen\\_ippp@um.edu.my](mailto:pen_ippp@um.edu.my)
20. **Institut Asia Eropah**  
Pejabat Pengarah Eksekutif  
Tel: +603-7967 4645  
Fax: +603- 7954 0799  
E-mel: [pengarah\\_aei@um.edu.my](mailto:pengarah_aei@um.edu.my)

## PENTADBIRAN

21. **Naib Canselor**  
Pejabat Naib Canselor  
Aras 9, Canseleri  
Tel: +603-7956 8400/ +603-7697 3213 / 3510  
Fax: +603-7954 7551  
E-mel: [pej\\_nc@um.edu.my](mailto:pej_nc@um.edu.my) / [vc@um.edu.my](mailto:vc@um.edu.my)
22. **Akademik & Antarabangsa**  
Pejabat Timbalan Naib Canselor  
Aras 9, Canseleri  
Tel: +603-7967 3203 / 3256  
Fax: +603-7957 2314  
E-mel: [tnc\\_aka@um.edu.my](mailto:tnc_aka@um.edu.my)
23. **Penyelidikan & Inovasi**  
Pejabat Timbalan Naib Canselor  
Aras 8, Canseleri  
Tel: +603-7967 3202 / 3226 / 3435 / 3396  
Fax: +603-7957 5451  
E-mel: [tnc\\_pi@um.edu.my](mailto:tnc_pi@um.edu.my)
24. **Hal Ehwal Pelajar**  
Pejabat Timbalan Naib Canselor  
Aras 2, Blok E  
Kompleks Perdanasiswa  
Tel: +603-7967 3201 /+603-7956 7344  
Fax: +603-7956 8611  
E-mel: [tnc\\_hep@um.edu.my](mailto:tnc_hep@um.edu.my)
25. **Pembangunan**  
Pejabat Timbalan Naib Canselor  
Aras 1, Canseleri  
Tel: +603-7967 7700  
Fax: +603-7967 7733  
E-mel: [tnc\\_p@um.edu.my](mailto:tnc_p@um.edu.my)
26. **Pendaftar**  
Jabatan Pendaftar  
Aras 7, Canseleri  
Tel: +603-7967 3204 / +603-7956 7561  
Fax: +603-7956 4004  
E-mel: [registrar@um.edu.my](mailto:registrar@um.edu.my)
27. **Pengawal Kewangan/ Bendahari**  
Jabatan Bendahari  
Aras 3, Canseleri  
Tel : +603-7967 3205  
Fax : +603-7956 8905  
E-mel: [bendahari@um.edu.my](mailto:bendahari@um.edu.my)

28. **Ketua Pustakawan**  
Pejabat Ketua Pustakawan  
Perpustakaan Utama Universiti Malaya  
Tel : +603-7967 3206 / 7956 3367  
Fax : +603-7957 3661  
E-mel: [ketua\\_pustakawan@um.edu.my](mailto:ketua_pustakawan@um.edu.my)
29. **Pejabat Komunikasi Korporat (CCO)**  
Pejabat Pengarah  
Aras Lobi, Canseleri  
Tel: +603-7967 3238  
Fax: +603-7956 0027  
E-mel: [corporate@um.edu.my](mailto:corporate@um.edu.my)
30. **Pusat Strategi Korporat (CSC)**  
Pejabat Pengarah  
Aras 3, Canseleri  
Tel: +603-7967 3324 / 7049  
Fax: +603-7967 3594  
E-mel: [csc\\_office@um.edu.my](mailto:csc_office@um.edu.my)
31. **Pusat Pentadbiran dan Perkhidmatan Akademik (AASC)**  
Bangunan Peperiksaan  
Tel: +603-7967 3282  
Fax: +603-7967 3581  
E-mel: [pengarah\\_aasc@um.edu.my](mailto:pengarah_aasc@um.edu.my)
32. **Pejabat Timbalan Pendaftar Kanan**  
Aras 6, Canseleri  
Tel: +603-7967 3208  
Fax: +603-7956 2158 / 7967 7094  
E-mel: [pej\\_tpkm@um.edu.my](mailto:pej_tpkm@um.edu.my)
33. **Seksyen Audit Dalam (SKAD)**  
Aras 8, Canseleri  
Tel: +603-7967 7840 / 7841  
Fax: +603-7967 7847  
E-mel: [audit@um.edu.my](mailto:audit@um.edu.my)
34. **Bahagian Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHE)**  
Pejabat Pengarah  
Aras 3, Canseleri  
Tel: +603-7967 3532  
Fax: +603-7967 3484  
E-mel: [oshe@um.edu.my](mailto:oshe@um.edu.my)
35. **Unit Perundangan**  
Aras 7, Canseleri  
Tel: +603-7967 3330 / 3237  
Fax: +603-7967 3233  
E-mel: [legal@um.edu.my](mailto:legal@um.edu.my)
36. **Pusat Hubungan Alumni & Kemajuan Institusi (CARIA)**  
Aras 8, Canseleri  
Tel: +603 7967 7903  
Fax: +603 7967 4412  
E-mel: [caria@um.edu.my](mailto:caria@um.edu.my)

37. **Unit Integriti Universiti Malaya**  
Aras 9, Canseleri  
Tel: +603-7967 3400/ 7854/ 7934/ 7910  
Fax: +603-7955 2975  
E-mel: [integrity@um.edu.my](mailto:integrity@um.edu.my)

#### KOLEJ KEDIAMAN/ LUAR KAMPUS

38. **Kolej Kediaman Pertama**  
(Tuanku Abdul Rahman)  
Tel: +603- 7956 7898 / 7967 3415  
Fax: +603- 7956 6117
39. **Kolej Kediaman Kedua**  
(Tuanku Bahiyah)  
Tel: +603- 7967 3416  
Fax: +603-7957 1608
40. **Kolej Kediaman Ketiga**  
(Tunku Kurshiah)  
Tel: +603-7956 8821 / 7967 3417  
Fax: +603-7957 9496
41. **Kolej Kediaman Keempat**  
(Bestari)  
Tel: +603-7967 3418  
Fax: +603-7957 7269
42. **Kolej Kediaman Kelima**  
(Dayasari)  
Tel: +603-7956 7948 / 7967 3419  
Fax: +603-7956 0121
43. **Kolej Kediaman Keenam**  
(Ibnu Sina)  
Tel: +603-7967 4977  
Fax: +603-7956 7306
44. **Kolej Kediaman Ketujuh**  
(Za'ba)  
Tel: +603-7967 3420 / 7956 7946  
Fax: +603-7956 3432
45. **Kolej Kediaman Kelapan**  
(Kinabalu)  
Tel: +603-7967 3216 / 7955 8643  
Fax: +603-7955 8662
46. **Kolej Kediaman Kesembilan**  
(Tun Syed Zahiruddin)  
Tel: +603-7957 3336 / 7955 1116  
Fax: +603- 7957 3749
47. **Kolej Kediaman Kesepuluh**  
(Tun Ahmad Zaidi)  
Tel: +603-7967 3385  
Fax: +603-7625 0513
48. **Kolej Kediaman Kesebelas**  
(Ungku Aziz)  
Tel: +603-7967 4629  
Fax: +603-7625 7334

49. **Kolej Kediaman Kedua Belas**  
(Raja Dr. Nazrin Shah)  
Tel: +603- 7960 7371  
Fax: +603- 7960 3237
50. **Rumah Antarabangsa**  
Seksyen 17  
Fax: +603-7967 7710 (ISC fax)  
E-mel: int.house@um.edu.my

## 11.2 Sumber Bantuan

### PERKHIDMATAN KESELAMATAN & PERUNDANGAN

1. **Pejabat Keselamatan Universiti Malaya**  
Aras 2, Bangunan Canseleri Lama  
Tel: +603-7967 3470  
*Hotline:* +603-7967 7070 (24 jam)  
Fax: +603-7967 3535  
E-mail: [keselamatan@um.edu.my](mailto:keselamatan@um.edu.my)
2. **Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11), Bukit Aman**  
Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman, 50560 Kuala Lumpur  
Tel: +603-2266 2222  
Fax: +603-2070 7500  
E-mel: [rmp@rmp.gov.my](mailto:rmp@rmp.gov.my)
3. **Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD)**  
Ibu Pejabat Polis Daerah Brickfields, No. 12, Jalan Travers, 50480 Kuala Lumpur  
Tel: +603-2297 9222  
Fax: +603-2297 9223  
E-mel: [kpdbfields@rmp.gov.my](mailto:kpdbfields@rmp.gov.my)
4. **Balai Polis Pantai**  
Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur  
Tel: +603-22822222  
E-mel: [kpb\\_pantai@rmp.gov.my](mailto:kpb_pantai@rmp.gov.my)
5. **Kuala Lumpur Legal Aid Centre**  
Tel: +603 2991 1121/ +603 2692 1122  
Union3.03, Level 3 Wisma Badan Peguam Malaysia, No.2 Lebuh Pasar Besar 50050  
Kuala Lumpur  
  
Untuk bantuan guaman di lain-lain Negeri:  
<https://www.malaysianbar.org.my/article/find/bc-legal-aid-centres/legal-aid-centres/find-legal-aid-centres>
6. **Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT)**  
1-300-88-2999 (Waktu Pejabat)  
SMS ke 15888: CYBER999 REPORT (email) (report).

### PERKHIDMATAN KESIHATAN

7. **Klinik UM (UM Clinic)**  
Bangunan Siswrama  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Tel: +603-79676445 / 6444  
Fax: +603-79677002  
E-mel: [kkpum@um.edu.my](mailto:kkpum@um.edu.my)

8. **Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)**  
Tel: +603-7949 4422  
Fax: +603-7956 2253  
E-mel: [ummc@ummc.edu.my](mailto:ummc@ummc.edu.my)
9. **One Stop Crisis Centre (Hospital Kuala Lumpur – HKL)**  
Tel: +603 2615 5320  
23 Jalan Pahang, 50586 Kuala Lumpur


#### **PERKHIDMATAN HOTLINE & PERLINDUNGAN**


10. **Emergency Line Malaysia**  
*Hotline:* 999
11. **Talian Kasih Malaysia**  
*Hotline:* 15999  
*WhatsApp:* +6019 261 5999
12. **1MOCC Call Center**  
Tel & SMS: +603-8000 8000  
Fax: +603-8000 8000  
E-mel: 80008000@1mocc.gov.my  
Facebook: facebook.com/myGovernment  
Twitter: twitter.com/myGovPortal  
Website: [www.malaysia.gov.my](http://www.malaysia.gov.my)
13. **Speak Up Malaysia**  
Tel: +6 012-626 8490  
E-mel: [connect@speakupmalaysia.com](mailto:connect@speakupmalaysia.com)
14. **All Women's Action Society (AWAM)**  
No. 85, Jalan 21/1, Taman Paramount,  
46300 Petaling Jaya, Selangor  
Tel: +603-7877 4221/ +6016-237 4221/ +6016-228 4221  
E-mel: [awam@awam.org.my](mailto:awam@awam.org.my)
15. **Women's Aid Organisation (WAO)**  
P.O. Box 493, Jalan Sultan  
46760 Petaling Jaya Selangor  
Tel: +603 7957 5636 / 0636 (Office Number)/ +603 3000 8858  
(Hotline Number)/ +6018 988 8058 (SMS/WhatsApp)  
E-mel: [info@wao.org.my](mailto:info@wao.org.my)
16. **Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan**  
Tel: +603 88810200, +603 88810600, +603 88810700  
E-mel: [cprc@moh.gov.my](mailto:cprc@moh.gov.my)
17. **P.S. The Children (PSC)**  
Tel: +6016-721 3065  
(Isnin hingga Jumaat 8.30 am – 5.30 pm)  
SMS/WhatsApp: +6016-721 3065
18. **Good Shepherd**  
Tel: +603-4256 3941, +6019-534 9044, +6014-323 4618 (24 hours)  
E-mel: info@globalshepherds.my; [info@goodshepherd.my](mailto:info@goodshepherd.my)
19. **Tenaganita**  
(Fokus kepada pelarian dan pendatang yang mengalami pelanggaran hak asasi manusia)  
Tel: +6012-335 0512; +6012-339 5350 (24 Jam)  
E-mel: [general@tenaganita.net](mailto:general@tenaganita.net)

20. **Women's Centre for Change (WCC)**  
Tel: +604-228 0342  
*Hotline:* +6011-3108 4001  
(Isnin hingga Jumaat 9.00 am – 5.00 pm)

**WCC Seberang/ Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW)**  
Tel: +604-398 8340  
*Hotline:* +6016-439 0698  
(Isnin hingga Jumaat 9.00 am – 5.00 pm)

## 12. CARTA ALIR URUSAN MENANGANI KES EKSPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL DI UM





SULIT

**BORANG ADUAN RASMI  
EKSPLOITASI, PENGANIAYAAN DAN GANGGUAN SEKSUAL DI  
UNIVERSITI MALAYA (UM)**

Kepada:

**Unit Integriti Universiti Malaya**

Aras 9, Pejabat Naib Canselor  
Bangunan Canseleri, Universiti Malaya  
50603, Kuala Lumpur  
(u.p. Ketua, Unit Integriti)

- |     |                                 |   |       |
|-----|---------------------------------|---|-------|
| 1.  | <b>Nama</b>                     | : | <hr/> |
| 2.  | <b>No. Matrik/ Staf</b>         | : | <hr/> |
| 3.  | <b>No. K/P/ Pasport</b>         | : | <hr/> |
| 4.  | <b>Jantina</b>                  | : | <hr/> |
| 5.  | <b>Status Perkahwinan</b>       | : | <hr/> |
| 6.  | <b>Jawatan/ Gred</b>            | : | <hr/> |
| 7.  | <b>Jabatan</b>                  | : | <hr/> |
| 8.  | <b>Fakulti/ PTj/ Organisasi</b> | : | <hr/> |
| 9.  | <b>Tel No. Pejabat</b>          | : | <hr/> |
| 10. | <b>Tel No. Mudah Alih</b>       | : | <hr/> |
| 11. | <b>E-mel</b>                    | : | <hr/> |
| 12. | <b>*Butiran Aduan</b>           | : | <hr/> |

\*sekiranya mempunyai dokumen sokongan sila emelkan kepada [integrity@um.edu.my](mailto:integrity@um.edu.my) dengan menggunakan nama tuan/puan sebagai rujukan.

## SULIT

### Perakuan Pengadu:

- (1) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat dan butiran yang dinyatakan di atas adalah benar sepanjang pengetahuan saya;
- (2) Saya mengesahkan bahawa aduan ini dibuat tanpa sebarang niat jahat;
- (3) Saya mengesahkan bahawa (tandakan (/) di ruangan yang berkenaan):
  - Saya meminta tindakan lanjut diambil oleh pihak Universiti tanpa meneruskan aduan kepada pihak berkuasa lain; atau**
  - Laporan ini adalah bertujuan sebagai rekod Universiti sahaja. Saya akan membuat aduan terus kepada pihak berkuasa lain untuk tindakan selanjutnya.**

- (4) Saya memerlukan perkhidmatan seperti berikut (tandakan (/) di ruangan yang berkenaan):

- Ya;** atau
- Tidak**

Sekiranya “**Ya**”, nyatakan jenis perkhidmatan yang diperlukan (tandakan (/) di ruangan yang berkenaan):

- Rawatan Perubatan;
- Khidmat Kesihatan Mental /Sokongan Psikologi;
- Penempatan Sementara;
- Perkhidmatan Keselamatan dan Perlindungan;
- Khidmat Kebajikan Kanak-kanak;
- Bantuan Guaman/ Undang-undang
- Lain-lain (sila nyatakan):  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

- (5) Persetujuan untuk berkongsi maklumat:

Saya, ..... (Nama Pengadu/Mangsa), memahami tujuan rujukan dan pendedahan maklumat ini kepada Universiti Malaya (UM) adalah untuk memastikan keselamatan dan penjagaan yang sejajar di antara organisasi terlibat. Pihak UM telah menerangkan dengan jelas prosedur rujukan kepada saya dan telah menyenaraikan maklumat yang akan didedahkan. Dengan menandatangani borang ini, saya membenarkan pertukaran maklumat ini.

### Tarikh Aduan:

---

Tandatangan Pengadu/ Mangsa

---

Tandatangan Ibu Bapa/Penjaga  
(jika mangsa adalah kanak-kanak)

## **13. RUJUKAN**

1. Kementerian Sumber Manusia Malaysia. (1999). *Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja*.
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2018 *Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam*.
3. Kod Etika Universiti Malaya, 2010.

## 14. PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penerbitan Kod Bebas Eksplotasi, Penganiayaan dan Gangguan Seksual di Universiti Malaya (UM) Cetakan Pertama 2021.

**1. SUPT Wong Pooi Lin**

Penolong Pengarah,  
Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman  
Jabatan Siasatan Jenayah  
Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman  
50560 Kuala Lumpur

**2. ASP Hjh Ellyia Ullfah binti Hj. Mazlan**

Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman  
Jabatan Siasatan Jenayah  
Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman  
50560 Kuala Lumpur

**3. Cik Emelia binti Shariff**

*Managing Partner*  
*Speak Up Malaysia*

**4. Puan Jeyashree Nadarajah**

*Child Protection Specialist*  
UNICEF Malaysia

**5. Puan Sarinah binti Sallip**

Pemangku Timbalan Pendaftar Kanan (Pentadbiran Organisasi & Pengurusan Insan)  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Malaya

**6. Puan Salmi Marsita binti Shaari**

Pengarah  
Pusat Pentadbiran & Perkhidmatan Akademik (AASC)  
Universiti Malaya

**7. Puan Noorihan binti Ali Yusoff**

Timbalan Pendaftar  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)  
Universiti Malaya

**8. Puan Salwati binti Mohd Aris**

Ketua, Unit Perundungan  
Unit Perundungan  
Universiti Malaya

**9. Puan Normuhaini binti Ab Roni**

Ketua, Bahagian Pengurusan Insan (HTM)  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Malaya

**10. Puan Nor Hafizah binti Abdullah**

Ketua, Bahagian Perkhidmatan Insan (HTS)  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Malaya

**11. Puan Azlina binti Sardi**

Ketua, Bahagian Pembangunan Insan (HTD)  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Malaya

**12. Puan Lizawati binti Abd Sane**

Ketua, Seksyen Pengurusan Psikologi dan Kaunseling (SPPsK)  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)  
Universiti Malaya

**13. Dr. Lai Suat Yan**

Naib Presiden, PKAUM dan  
Koordinator & Pensyarah Kanan  
Program Pengajian Gender  
Fakulti Sastera & Sains Sosial  
Universiti Malaya

**14. Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA)**

(*kini dikenali sebagai Fakulti Perniagaan dan Ekonomi*)

**15. Pusat Komuniti & Kelestarian Universiti Malaya (UMCares)**

**16. Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya (PKAUM)**

**17. Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas Universiti Malaya (PEKERTI)**

**18. Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaya (KKAUM)**

**19. Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM)**

**20. Sekretariat Presiden Kolej Kediaman Universiti Malaya (SPKUM)**

**21. Urus Setia:**

i. **Puan Nor Aishah binti Samah**

Ketua, Unit Integriti  
Universiti Malaya

ii. **Puan Mahfuza binti Mohd Nasir**

Penolong Pendaftar  
Unit Integriti  
Universiti Malaya

iii. **Encik Mohamad Nazreen bin Abd Razak**


Penolong Pendaftar  
Unit Integriti  
Universiti Malaya

iv. **Encik Muhammad Shazuan bin Sharom**

Pembantu Tadbir (Pengkeranian/Operasi)  
Unit Integriti  
Universiti Malaya

## 15. LAMPIRAN

Bil.	Lampiran
1.	<b>Lampiran A</b> – Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]
2.	<b>Lampiran B</b> – Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999
3.	<b>Lampiran C1</b> – Borang Persetujuan Penyelesaian (Pemberi Maklumat/ Pengadu)
4.	<b>Lampiran C2</b> – Borang Persetujuan Penyelesaian (PYD)



# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

---

CETAKAN SEMULA

---

## **Akta 605**

### **AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000**

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
2006

**AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB  
DAN SURCAJ) 2000**

Tarikh Perkenaan Diraja... ... ... ... ... 18 Ogos 2000

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... ... ... ... 31 Ogos 2000

## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 605**

#### **AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000**

---

#### **SUSUNAN SEKSYEN**

---

#### **BAHAGIAN I**

#### **PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Hubungan Akta ini dengan undang-undang pemerbadanan
4. Tafsiran

#### **BAHAGIAN II**

#### **TATATERTIB**

5. Pemakaian Peraturan-Peraturan
6. Pihak berkuasa tata tertib
7. Rayuan
8. Prosiding tata tertib dalam kes-kes khas

#### **BAHAGIAN III**

#### **PENAMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM**

9. Penamatan perkhidmatan
10. Perakuan oleh Jawatankuasa Tatatertib
11. Peluang untuk didengar
12. Penamatan perkhidmatan bukan pembuangan kerja

Seksyen

13. Persaraan demi kepentingan awam

#### BAHAGIAN IV

##### SURCAJ

14. Alasan bagi surcaj
15. Notis supaya menunjukkan sebab
16. Pengenaan surcaj
17. Pemberitahuan surcaj
18. Penarikan balik surcaj
19. Catatan surcaj
20. Mendapatkan surcaj
21. Keanggotaan Lembaga dalam kes-kes khas
22. Surcaj tidak boleh menghalang tindakan tatatertib

#### BAHAGIAN V

##### KUASA PERDANA MENTERI DAN MENTERI

23. Kuasa untuk meminda Jadual
24. Kuasa untuk mengeluarkan arahan
25. Kuasa untuk mengecualikan atau mengubah

#### BAHAGIAN VI

##### AM

26. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
27. Arahan pentadbiran oleh Lembaga

#### BAHAGIAN VII

##### KETERHENTIAN PEMAKAIAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

28. Keterhentian pemakaian peruntukan-peruntukan tertentu dalam undang pemerbadanan
29. Kecualian dan peralihan

##### JADUAL

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 605

#### **AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000**

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan tatatertib, dan pengenaan surcaj ke atas, pegawai-pegawai badan berkanun yang diperbadankan oleh undang-undang persekutuan, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[*I November 2000, P.U. (B) 361/2000*]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000.
- (2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Perdana Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Pemakaian**

2. (1) Akta ini hendaklah terpakai bagi semua badan berkanun kecuali badan berkanun yang disenaraikan dalam Jadual Pertama.
- (2) Walau apa pun subseksyen (1), badan berkanun yang disenaraikan dalam Jadual Pertama hendaklah memastikan bahawa peruntukan-peruntukan tatatertib yang terpakai bagi pegawai-pegawaiinya menepati peruntukan-peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini seberapa boleh yang dibenarkan oleh undang-undang pemerbadanannya dan sistem pengurusan dan saraannya.

**Hubungan Akta ini dengan undang-undang pemerbadanan**

3. Akta ini hendaklah dibaca bersama dan ditafsirkan sebagai satu dengan undang-undang pemerbadanan sesuatu badan berkanun.

**Tafsiran**

4. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“badan berkanun” ertinya suatu badan, walau dengan nama apa pun disebut, yang diperbadankan oleh undang-undang persekutuan bagi maksud Kerajaan Persekutuan, tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan;

“emolumen” ertinya apa-apa saraan, termasuklah gaji, pemberian tetap, pembayaran insentif dan elaun bulanan, yang kena dibayar kepada seseorang pegawai setiap bulan;

“gaji” ertinya gaji pokok seseorang pegawai;

“Jawatankuasa Rayuan Tatatertib” ertinya jawatankuasa yang disebut dalam seksyen 7;

“Jawatankuasa Tatatertib” ertinya jawatankuasa yang disebut dalam seksyen 6;

“Kementerian” ertinya Kementerian yang bertanggungjawab bagi sesuatu badan berkanun;

“kesalahan tatatertib” ertinya pelanggaran mana-mana peruntukan tatakelakuan yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan dan termasuklah apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berkenaan dengannya tindakan tatatertib boleh diambil di bawah Peraturan-Peraturan;

“Ketua Jabatan” ertinya seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu jabatan, bahagian, unit atau cawangan sesuatu badan berkanun, dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Lembaga untuk menjalankan fungsi-fungsi seorang Ketua Jabatan bagi apa-apa tempoh masa;

“Ketua Pengarah” ertinya orang, walau dengan nama apa pun disebut, yang dipertanggungkan dengan pentadbiran dan pengurusan harian hal ehwal sesuatu badan berkanun;

“Lembaga” ertinya badan berkanun itu sendiri atau, jika undang-undang pemerbadanannya mengadakan peruntukan bagi suatu lembaga, majlis atau jawatankuasa yang berasingan, walau dengan nama apa pun disebut, untuk menjalankan fungsi-fungsi badan berkanun itu dan untuk menjaga pengurusan dan pentadbiran am badan berkanun itu, lembaga, majlis atau jawatankuasa itu;

“Menteri”, berhubung dengan sesuatu badan berkanun, ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi badan berkanun itu di bawah undang-undang pemerbadanannya atau di bawah Akta Tugas-Tugas Menteri 1969 [Akta 2];

“pegawai” ertinya seseorang yang diambil bekerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh sesuatu badan berkanun, dan dibayar emolumen oleh badan berkanun itu, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan ke mana-mana perbadanan subsidiari atau syarikat badan berkanun itu atau mana-mana badan berkanun yang lain atau mana-mana Kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan atau mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana syarikat yang dalamnya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri mempunyai kepentingan;

“Peraturan-Peraturan” ertinya Peraturan-Peraturan dalam Jadual Kedua;

“undang-undang pemerbadanan” ertinya undang-undang persekutuan yang melaluiinya sesuatu badan berkanun diperbadankan;

“undang-undang persekutuan” ertinya sesuatu Akta Parlimen atau sesuatu Ordinan yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang berkenaan dengannya Parlimen boleh membuat undang-undang atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah sesuatu Akta Parlimen atau Ordinan itu.

## BAHAGIAN II

### TATATERTIB

#### **Pemakaian Peraturan-Peraturan**

5. Peraturan-Peraturan hendaklah terpakai berkenaan dengan tatatertib pegawai-pegawai badan berkanun.

### **Pihak berkuasa tatatertib**

**6.** (1) Pihak-pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan pelbagai kategori pegawai ialah Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan mengikut Bahagian 1 Jadual Ketiga dan peruntukan-peruntukan Bahagian itu hendaklah terpakai bagi, dan dipatuhi oleh, tiap-tiap Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan sedemikian.

(2) Dalam menjalankan bidang kuasa tatatertibnya, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah mematuhi tatacara yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan dan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan hukuman tatatertib yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan.

### **Rayuan**

**7.** Seseorang pegawai yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib oleh suatu Jawatankuasa Tatatertib boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib yang berkenaan yang ditubuhkan mengikut Bahagian II Jadual Ketiga dan Lampiran kepada Jadual itu dan peruntukan-peruntukan Bahagian itu hendaklah terpakai bagi, dan dipatuhi oleh, tiap-tiap Jawatankuasa Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan itu.

### **Prosiding tatatertib dalam kes-kes khas**

**8.** (1) Jika Ketua Pengarah atau timbalannya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan dengan Ketua Pengarah atau timbalan itu hendaklah terdiri daripada Menteri sebagai pengurus dan dua orang anggota Lembaga yang dilantik oleh Menteri.

(2) Jika Ketua Pengarah atau timbalannya dilantik oleh Menteri, Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan dengan Ketua Pengarah atau timbalan itu hendaklah terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian dan dua orang anggota Lembaga yang dilantik oleh Ketua Setiausaha itu.

(3) Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan prosiding tatatertib terhadap Ketua Pengarah atau timbalannya yang ke atasnya Jawatankuasa Tatatertib itu mempunyai bidang kuasa dan boleh membuat apa-apa perakuan kepada Yang di-Pertuan Agong atau

Menteri yang olehnya Ketua Pengarah atau timbalannya itu dilantik mengenai hukuman yang akan dikenakan ke atas atau apa-apa tindakan lain yang boleh diambil terhadap Ketua Pengarah atau timbalannya itu.

(4) Keputusan Yang di-Pertuan Agong atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan Ketua Pengarah atau timbalannya adalah muktamad.

### BAHAGIAN III

#### PENAMATAN DEMI KEPENTINGAN AWAM

##### **Penamatan perkhidmatan**

**9.** (1) Jika Lembaga mendapati atau jika representasi dibuat kepada Lembaga bahawa adalah wajar perkhidmatan seseorang pegawai ditamatkan demi kepentingan awam, Lembaga boleh mengarahkan pegawai atasan kepada pegawai yang terhadapnya representasi itu dibuat supaya mengemukakan kepada Lembaga suatu laporan lengkap yang hendaklah mengandungi butir-butir yang berhubungan dengan kerja dan kelakuan pegawai itu, dan ulasan Ketua Jabatan pegawai itu.

(2) Jika, selepas menimbangkan laporan yang dikemukakan di bawah subseksyen (1), Lembaga berpuas hati bahawa, dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kerja, kelakuan dan kebergunaan pegawai itu dan semua keadaan lain kes, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan pegawai itu mulai dari tarikh yang hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

##### **Perakuan oleh Jawatankuasa Tatatertib**

**10.** (1) Adalah sah disisi undang-undang bagi sesuatu Jawatankuasa Tatatertib untuk memperakukan kepada Lembaga supaya perkhidmatan seseorang pegawai yang ke atasnya Jawatankuasa itu menjalankan bidang kuasa tatatertib ditamatkan demi kepentingan awam walaupun tiada prosiding tatatertib telah dijalankan di bawah Akta ini.

(2) Suatu perakuan kepada Lembaga di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan suatu laporan penuh alasan-alasan yang padanya perakuan itu diasaskan.

(3) Lembaga boleh mengarahkan pegawai atasan kepada pegawai yang disebut dalam subseksyen (1) supaya mengemukakan apa-apa maklumat tambahan kepada Lembaga berkenaan dengan pegawai itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga.

(4) Jika, selepas menimbangkan laporan yang dikemukakan di bawah subseksyen (2) dan apa-apa maklumat tambahan yang dikemukakan di bawah subseksyen (3) Lembaga berpuas hati bahawa, dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kerja, kelakuan dan kebergunaan pegawai itu dan semua keadaan lain kes, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan pegawai itu mulai dari tarikh yang hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

### **Peluang untuk didengar**

**11.** Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini dan apa-apa undang-undang lain yang berlawanan, sebelum Lembaga membuat keputusan di bawah seksyen 9 atau 10 untuk menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai, Lembaga hendaklah memberi pegawai itu peluang untuk didengar.

### **Penamatan perkhidmatan bukan pembuangan kerja**

**12.** Penamatan seseorang pegawai di bawah seksyen 9 atau 10 bukanlah dan tidak boleh dianggap sebagai pembuangan kerja walaupun penamatan itu melibatkan suatu unsur hukuman atau berkaitan dengan kelakuan yang berhubungan dengan jawatannya yang dianggap oleh Lembaga sebagai tidak memuaskan atau patut dipersalahkan.

### **Persaraan demi kepentingan awam**

**13.** Walau apa pun seksyen 9 dan 10, Lembaga boleh, dengan persetujuan pihak berkuasa pencen, menghendaki mana-mana pegawai bersara daripada perkhidmatan sesuatu badan berkanun di bawah perenggan 10(5)(d) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239].

BAHAGIAN IV

SURCAJ

**Alasan bagi surcaj**

**14.** Seseorang yang adalah atau pernah berada dalam penggajian sesuatu badan berkanun boleh disurcaj jika ternyata kepada Lembaga bahawa orang itu—

- (a) tidak atau telah gagal untuk memungut apa-apa wang yang terhutang kepada badan berkanun itu yang bagi pemungutannya dia adalah atau telah dipertanggungjawabkan;
- (b) adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak sepatutnya daripada badan berkanun itu atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau tidak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang-barang simpanan atau harta lain badan berkanun itu;
- (d) sebagai atau sebagai seorang yang pernah menjadi seorang pegawai akaun, tidak atau telah gagal untuk menyimpan atau memantau akaun atau rekod yang sepatutnya bagi badan berkanun itu; atau
- (e) tidak atau telah gagal untuk membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada badan berkanun itu kepada mana-mana orang yang kepadanya bayaran itu kena dibayar di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan badan berkanun itu.

**Notis supaya menunjukkan sebab**

**15.** Lembaga hendaklah, sebelum seseorang disurcaj, menyampaikan kepadanya suatu notis bertulis yang memintanya supaya menunjukkan sebab mengapa dia tidak sepatutnya disurcaj.

**Pengenaan surcaj**

**16.** Jika suatu penjelasan yang memuaskan tidak diterima dalam masa 14 hari dari tarikh penyampaian suatu notis kepada seseorang di bawah seksyen 15, Lembaga boleh—

- (a) dalam hal sesuatu perbuatan atau peninggalan yang diperihalkan dalam perenggan 14(a), (b) atau (c), mensurcaj terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut atau pembayaran yang tidak sepatutnya dibuat atau nilai kekurangan harta atau nilai harta yang dimusnahkan; dan
- (b) dalam hal sesuatu perbuatan atau peninggalan yang diperihalkan dalam perenggan 14(d) atau (e), mensurcaj terhadap orang itu suatu jumlah wang yang difikirkan patut oleh Lembaga dengan mengambil kira hal keadaan kes.

**Pemberitahuan surcaj**

**17.** Jika seseorang telah disurcaj di bawah seksyen 16, Lembaga hendaklah memberitahunya secara bertulis mengenai pengenaan surcaj itu.

**Penarikan balik surcaj**

**18.** Walau apa pun seksyen 16 dan 17, Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya suatu penjelasan yang memuaskan telah diterima atau jika didapati selainnya bahawa tiada surcaj sepatutnya dikenakan, dan Lembaga hendaklah serta-merta memberitahu orang yang disurcaj itu mengenai penarikan balik itu.

**Catatan surcaj**

**19.** Tiap-tiap surcaj yang dikenakan ke atas seseorang pegawai di bawah Bahagian ini hendaklah dicatatkan dalam Rekod Perkhidmatan pegawai itu.

### **Mendapatkan surcaj**

**20.** Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah seksyen 16 dan tidak ditarik balik di bawah seksyen 18 adalah suatu hutang yang kena dibayar kepada badan berkanun itu daripada orang yang disurcaj dan boleh dibawa guaman baginya dan didapatkan dalam mana-mana mahkamah oleh badan berkanun itu dan boleh juga, jika Lembaga mengarahkan sedemikian, didapatkan melalui potongan—

- (a) daripada gaji orang yang disurcaj itu; atau
- (b) daripada penceن orang yang disurcaj itu,

melalui ansuran bulanan yang sama banyak, setiap ansuran tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau penceن bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

### **Keanggotaan Lembaga dalam kes-kes khas**

**21.** Dalam apa-apa tindakan bagi surcaj terhadap Ketua Pengarah, keanggotaan Lembaga bagi maksud seksyen 14, 15, 16, 17, 18 dan 20 tidak boleh termasuk Ketua Pengarah.

### **Surcaj tidak boleh menghalang tindakan tatatertib**

**22.** Apa-apa tindakan yang diambil terhadap seseorang pegawai di bawah Bahagian ini tidak boleh menghalang apa-apa tindakan tatatertib dimulakan terhadapnya mengikut Peraturan-Peraturan.

## **BAHAGIAN V**

### **KUASA PERDANA MENTERI DAN MENTERI**

### **Kuasa untuk meminda Jadual**

**23.** (1) Perdana Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* meminda Jadual Kedua atau Ketiga.

(2) Tiada pindaan boleh dibuat di bawah subseksyen (1) yang mempunyai kesan menafikan mana-mana orang peluang untuk didengar sebelum sesuatu keputusan dibuat dalam apa-apa prosiding tatatertib terhadapnya.

(3) Perdana Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta meminda* Jadual Pertama dengan menambahkan mana-mana badan berkanun yang skim saraannya telah diasingkan kepada senarai dalam Jadual itu.

### **Kuasa untuk mengeluarkan arahan**

**24.** Bagi maksud memastikan bahawa peruntukan-peruntukan Akta ini dipatuhi oleh tiap-tiap badan berkanun yang baginya dia bertanggungjawab, Menteri boleh mengeluarkan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat.

### **Kuasa untuk mengecualikan atau mengubah**

**25.** (1) Menteri boleh, dengan persetujuan Perdana Menteri, mengecualikan mana-mana badan berkanun yang baginya dia bertanggungjawab daripada mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan atau Jadual Ketiga atau mengubah mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan atau Jadual Ketiga dalam pemakaianya bagi badan berkanun itu.

(2) Kuasa yang diberikan dalam subseksyen (1) hanya boleh dijalankan bagi maksud menyesuaikan Peraturan-Peraturan atau Jadual Ketiga dengan struktur organisasi atau pengurusan badan berkanun itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang pemerbadanannya.

## **BAHAGIAN VI**

### AM

### **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**26.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] hendaklah terpakai berkenaan dengan apa-apa tindakan, litigasi, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau mana-mana anggota, pegawai atau ejen Lembaga berhubung dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan menurut atau bagi pelaksanaan atau pelaksanaan yang dicadangkan mana-mana peruntukan Akta ini atau berkenaan dengan apa-apa kecuaian atau kemungkiran yang dikatakan dalam pelaksanaan mana-mana peruntukan sedemikian.

### **Arahan Pentadbiran oleh Lembaga**

**27.** (1) Lembaga boleh dari semasa ke semasa mengeluarkan apa-apa arahan pentadbiran berhubung dengan kelakuan dan tata tertib pegawai-pegawai badan berkanun, atau tata cara bagi pengenaan surcaj ke atas pegawai-pegawai itu.

(2) Tiada arahan yang tidak selaras dengan Akta ini boleh dikeluarkan di bawah subseksyen (1).

### **BAHAGIAN VII**

#### **KETERHENTIAN PEMAKAIAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN**

#### **Keterhentian pemakaian peruntukan-peruntukan tertentu dalam undang-undang pemerbadanan**

**28.** Apabila Akta ini mula berkuat kuasa peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan tata tertib, penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam dan surcaj dalam undang-undang pemerbadanan sesuatu badan berkanun dan semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah atau menurut peruntukan-peruntukan itu hendaklah terhenti terpakai bagi badan berkanun itu kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 29.

#### **Kecualian dan peralihan**

**29.** (1) Apa-apa prosiding yang masih belum selesai pada permulaan kuat kuasa Akta ini di hadapan pihak berkuasa tata tertib atau pihak berkuasa rayuan yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah atau yang diperuntukkan dalam undang-undang pemerbadanan sesuatu badan berkanun atau dalam perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang itu hendaklah diteruskan mengikut peruntukan-peruntukan yang terpakai bagi prosiding itu dalam undang-undang pemerbadanan atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang itu dan pihak berkuasa tata tertib atau pihak berkuasa rayuan itu boleh membuat apa-apa perintah atau keputusan sebagaimana yang pihak berkuasa tata tertib atau pihak berkuasa rayuan itu diberi kuasa untuk membuatnya di bawah peruntukan-peruntukan itu.

(2) Apa-apa kesalahan tatatertib yang dilakukan atau yang dikatakan telah dilakukan oleh seseorang pegawai sesuatu badan berkanun sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diuruskan di bawah peruntukan undang-undang pemerbadanan badan berkanun itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), pegawai yang disebut dalam subseksyen itu hendaklah diberitahu bahawa dia boleh memilih untuk kesalahan tatatertib itu diuruskan di bawah Akta ini, dan jika dia memilih sedemikian kesalahan tatatertib itu hendaklah diuruskan mengikut Akta ini.

---

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 2(1)]

BADAN BERKANUN YANG BAGINYA AKTA INI  
TIDAK TERPAKAI

1. Bank Negara Malaysia
2. Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
3. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
4. Lembaga Tabung Angkatan Tentera
5. Lembaga Tabung Haji
6. Pertubuhan Keselamatan Sosial
7. Bank Simpanan Nasional
8. Suruhanjaya Sekuriti
9. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

---

JADUAL KEDUA

[Seksyen 5]

PERATURAN-PERATURAN TATATERTIB BADAN-BADAN BERKANUN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Pemakaian**

**1.** (1) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi seseorang pegawai badan berkanun sepanjang tempoh perkhidmatannya dan, berkenaan dengan seseorang pegawai yang tidak memilih untuk memasuki Sistem Saraan Baru, hendaklah terpakai dengan apa-apa ubah suaihan yang perlu dan patut dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatannya.

(2) Pelanggaran mana-mana peruntukan tatakelakuan yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini oleh seseorang pegawai boleh menyebabkannya dikenakan tindakan tatatertib.

**Tafsiran**

**2.** (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anak” erti—

(a) anak yang di bawah umur lapan belas tahun bagi seseorang pegawai, termasuk—

(i) anak yang lahir selepas kematiain, anak tiri tanggungan dan anak tidak sah taraf pegawai itu;

- (ii) anak yang diambil sebagai anak angkat oleh pegawai itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, dengan keterangan yang memuaskan mengenai pengangkatan itu; dan
- (b) anak, tidak kira apa jua umurnya, yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri;

“institusi kewangan” ertinya bank atau institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] atau bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [Akta 276];

“koperasi” ertinya koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502];

“mahkamah” ertinya mahkamah, termasuklah Mahkamah Syariah, yang mempunyai bidang kuasa wibawa untuk membicarakan seseorang bagi sesuatu kesalahan jenayah;

“penanggung insurans” ertinya penanggung insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553] atau pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [Akta 312];

“sabitan” atau “disabitkan”, berhubung dengan seseorang pegawai, ertinya suatu dapanan oleh sesuatu mahkamah jenayah, termasuk Mahkamah Syariah, yang mempunyai bidang kuasa wibawa di bawah mana-mana undang-undang bertulis bahawa pegawai itu bersalah atas suatu kesalahan jenayah;

“Sistem Saran Baru” ertinya skim gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai badan berkanun sebagaimana yang disemak dan dipinda oleh Kerajaan Persekutuan, berkuat kuasa mulai 1 Januari 1992.

  - (b) mengibir, mempamer, menunjukkan atau dalam apa-apa cara menggunakan, atau menyebabkan supaya dikibar, dipamer, ditunjukkan atau dalam apa-apa cara menggunakan; atau
  - (c) memiliki atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar,

Apa-apa bendera, sepanduk, plakad, poster, lambang atau alat lain yang membawa kepada keadaan tidak berdisiplin, kekacauan, keingkaruan atau pelanggaran Kaedah-Kaedah ini.

### **Penerbitan, dsb., dokumen**

12. (1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, tanpa kebenaran terdahulu Naib Canselor, boleh menerbitkan, membahagi-bahagikan atau mengedarkan apa-apa dokumen di dalam Kampus atau di luar Kampus.
- (2) Dalam memberikan kebenaran di bawah subkaedah (1), Naib Canselor boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang dia fikirkan perlu atau sesuai.
- (3) Kebenaran yang dikehendaki di bawah kaedah ini hendaklah sebagai tambahan bagi apa-apa lesen, permit atau apa-apa bentuk lain pemberikuasaan yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

### **Kegiatan pelajar di luar Kampus**

- 13.(1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjurkan, menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di luar Kampus yang mendatangkan kesan buruk secara langsung kepada Universiti atau yang memudaratkan kepentingan Universiti.
- (2) Naib Canselor boleh mengeluarkan garis panduan berkenaan dengan kegiatan yang memudaratkan kepentingan Universiti.

### **Pelajar yang melibatkan diri dalam pekerjaan, dsb.**

14. Tiada pelajar boleh, di dalam Kampus atau di luar Kampus, melibatkan diri dalam apa-apa pekerjaan, pengajian, perniagaan, perdagangan atau kegiatan lain, sama ada atas dasar sepenuh masa atau sambilan, yang pada pendapat Naib Canselor tidak diingini.

### **Representasi berhubung dengan Universiti**

15. Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh, tanpa kelulusan Naib Canselor terlebih dahulu, membuat apa-apa representasi atau apa-apa perhubungan lain, sama ada secara lisan atau bertulis atau dalam apa-apa cara lain, kepada mana-mana pegawai awam atau kepada akhbar atau kepada orang ramai dalam perjalanan kuliah, ucapan atau pernyataan awam atau dalam perjalanan apa-apa penyiaran melalui bunyi atau gambar yang behubungan dengan sesuatu perkara berkaitan dengan Universiti atau dengan kakitangan atau pelajar Universiti atas sifat mereka sebagai kakitangan atau pelajar Universiti, atau berkaitan dengan dirinya atas sifatnya sebagai seorang pelajar Universiti.

### **Bantahan pelajar terhadap kemasukan orang-orang ke dalam Kampus**

16. Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh membuat apa-apa bantahan, sama ada secara lisan atau bertulis atau dalam apa-apa cara lain, terhadap kemasukan ke dalam, atau kehadiran dalam, atau larangan atau pemecatan mana-mana orang, badan atau kumpulan orang dari Kampus.

### **Judi di dalam Kampus**

- 17.(1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjur, mengurus, menjalankan atau membantu dalam penganjuran, pengurusan atau perjalanan, atau mengambil bahagian dalam, apa-apa perjudian, pertaganan, loteri atau pertaruhan di dalam Kampus.
- (2) Larangan dalam subkaedah (1) tidak terpakai bagi apa-apa perjudian, pertaganan, loteri atau pertaruhan di dalam Kampus yang dianjurkan, diurus atau dijalankan oleh Universiti mengikut mana-mana undang-undang bertulis.

### **Meminum minuman keras dan berkelakuan tidak senonoh**

18. (1) Tiada pelajar boleh, di dalam Kampus, meminum atau mempunyai di dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa minuman keras.

- (2) Mana-mana pelajar yang didapati berada dalam keadaan mabuk atau yang berkelakuan tidak senonoh di bawah pengaruh minuman keras, di dalam Kampus adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

### **Artikel lucah**

19. (1) Tiada pelajar boleh, di dalam Kampus mempunyai, dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa artikel lucah.
- (2) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh membahagi-bahagikan, mengedarkan atau mempamerkan, atau menyebabkan supaya dibahagi-bahagikan, diedarkan atau dipamerkan, atau dalam apa-apa cara mengambil bahagian dalam pembahagian, pengedaran atau mempamerkan, apa-apa artikel lucah di dalam Kampus.
- (3) Seseorang pelajar hendaklah disifatkan sebagai membahagi-bahagikan, mengedarkan atau mempamerkan sesuatu artikel lucah, tidak kira sama ada pembahagian, pengedaran atau pempameran itu kepada satu orang sahaja atau kepada lebih daripada satu dan tidak kira sama ada atau tidak pembahagian, apa-apa balasan lain.

### **Dadah dan racun**

- 20.(1) Tiada pelajar boleh mempunyai dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa dadah atau racun.
- (2) Tiada pelajar boleh memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa dadah atau racun kepada mana-mana orang.
- (3) Tiada pelajar boleh makan melalui mulut atau menghisap atau menyedut, atau memasukkan ke dalam badannya dengan suntikan atau dalam apa-apa jua cara lain, apa-apa dadah atau racun.
- (4) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada menjalani apa-apa rawatan oleh atau di bawah preskripsi pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50].
- (5) Mana-mana pelajar yang didapati di bawah pengaruh mana-mana dadah atau racun adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.
- (6) Naib Canselor boleh menghendaki seorang pelajar yang disyaki menagih dadah menjalani ujian air kencing.
- (7) Jika seseorang pelajar enggan menyerah dirinya untuk menjalani ujian yang tersebut dalam subkaedah (6), dia adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

## **Kebersihan di dalam Kampus**

21. Seseorang pelajar tidak boleh melakukan apa-apa yang boleh menjelaskan kebersihan dan kekemasan tinggal seseorang pelajar di dalam Kampus, atau mana-mana asrama, dewan kuliah, jalan, kawasan atau mana-mana bahagian Kampus lain, atau mana-mana bangunan atau binaan lain di dalam Kampus.

## **Membuat bising**

22. Seseorang pelajar tidak boleh membuat apa-apa bunyi atau bising, atau menyebabkan apa-apa bunyi atau bising dikeluarkan, dalam apa-apa cara, jika bunyi atau bising itu menyebabkan atau mungkin menyebabkan kemarahan atau gangguan kepada mana-mana orang di dalam Kampus.

## **Pemeriksaan ke atas pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental**

23. Naib Canselor boleh menghendaki seseorang pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental menjalani pemeriksaan perubatan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan.

## **Tempat tinggal atau tempat tidur dalam Kampus**

24. Tiada pelajar boleh menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan mana-mana bahagian Kampus atau mana-mana bahagian bangunan di dalam Kampus sebagai tempat tinggal atau tempat tidur, kecuali tempat tinggal yang disediakan untuknya dalam asrama oleh Universiti.

## **Memasuki bahagian atau bangunan Kampus yang dilarang**

25. Seseorang pelajar tidak boleh masuk ke dalam mana-mana bahagian Kampus atau mana-mana bahagian mana-mana bangunan di dalam Kampus, yang kemasukan ke dalamnya dilarang kepada pelajar amnya atau, terutamanya, kepada pelajar atau sesuatu kelas pelajar.

## **Pakaian Pelajar**

26. Naib Canselor boleh mengeluarkan apa-apa arahan, secara bertulis, yang difikirkannya perlu yang berhubungan dengan cara berpakaian pelajar di dalam Kampus.

## **Keingkaran**

27. Jika seseorang pelajar melanggar apa-apa arahan atau kehendak yang sah yang diberikan atau dibuat oleh mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang diberi kuasa untuk memberi atau membuat arahan atau dikehendaki di dalam Kampus, pelajar itu adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

### **BAHAGIAN III**

#### **TATATERTIB ASRAMA**

##### **Memasuki atau berada di dalam bilik menetap**

28. (1) Tiada seorang pun boleh memasuki sesuatu bilik di dalam asrama yang diduduki oleh seseorang pelajar menetap kecuali pelajar menetap itu sendiri.
- (2) subkaedah (1) tidak terpakai-
- (a) bagi seseorang orang yang diberi kuasa yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya;
  - (b) bagi seseorang yang memasuki bilik itu mengikut apa-apa kebenaran yang diberi oleh, atau bagi pihak, Pengetua; dan
  - (c) bagi pelajar menetap daripada jantina yang sama yang memasuki bilik itu untuk melawat bagi maksud sosial biasa.
- (3) Maka hendaklah menjadi kewajipan seseorang pelajar menetap untuk memastikan bahawa sekatan dalam kaedah ini betul-betul dipatuhi.

##### **Menghalang dsb., pegawai-pegawai, dsb., daripada masuk dan menjalankan tugas**

29. Seseorang pelajar menetap tidak boleh melakukan apa-apa untuk menghalang atau melarang seseorang orang yang diberi kuasa daripada memasuki bilik pelajar menetap itu dan menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya di dalam bilik itu.

##### **Berada di luar asrama pada waktu malam**

30. Seseorang pelajar menetap tidak boleh, berada di luar asrama, selepas tengah malam kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

##### **Berada di dalam premis asrama selepas tengah malam**

31. Selepas tengah malam, kecuali pelajar-pelajar menetap di dalam asrama mereka masing-masing, tiada pelajar lain boleh berada di dalam premis asrama kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

##### **Menggunakan premis asrama dengan cermat dan larangan kacau ganggu**

- 32.(1) Seseorang pelajar hendaklah menggunakan premis asrama dengan cermat yang sewajarnya dan tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain pada mana-mana bahagian kawasan atau bangunan atau pada apa-apa benda atau lekapan di dalamnya.
- (2) Seseorang pelajar hendaklah, dalam menggunakan premis asrama dan kemudahan-kemudahan di dalamnya, mengambil langkah berhati-hati bagi memastikan bahawa dia

tidak menyebabkan apa-apa kesulitan, kegusaran, halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang lain.

### **Bertukar bilik tanpa kebenaran terdahulu**

33. Jika seseorang pelajar diuntukkan sebuah bilik di asrama untuk tinggal oleh Universiti, dia tidak boleh bertukar ke mana-mana bilik lain tanpa mendapat kebenaran terdahulu secara bertulis yang diberi oleh atau bagi pihak Pengetua.

### **Berpindah tempat tinggal**

34. (1) seseorang pelajar menetap tinggal di asrama mengikut budi bicara dan kehendak mutlak Universiti.

(2) Universiti boleh menghendaki seseorang pelajar menetap mengosongkan biliknya di asrama atau memindahkannya ke tempat tinggal lain yang disediakan oleh Universiti pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa alasan.

(3) Jika seseorang pelajar menetap dikehendaki mengosongkan biliknya di asrama atau memindahkannya ke tempat tinggal lain yang disediakan oleh Universiti pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa alasan.

### **Kuasa Pengetua untuk memberi perintah, dsb., berkenaan dengan ketenteraman dan tatatertib**

35. (1) Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleb Naib Canselor boleh, dari semasa ke semasa, memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang difikirkannya perlu atau sesuai untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib di dalam asrama.

(2) Perintah, arahan atau petunjuk itu boleh secara amnya terpakai bagi semua pelajar atau sesuatu kelas atau perihal pelajar atau seseorang pelajar tertentu, dan hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap pelajar yang kepadanya perintah, arahan atau petunjuk itu terpakai untuk mematuhi dan melaksanakan perintah, arahan atau petunjuk itu.

(3) Pihak berkuasa tatatertib boleh pada budi bicaranya, sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan denda tidak melebihi lima puluh ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana perintah, arahan atau petunjuk:

Dengan syarat bahawa sebelum hukuman itu dikenakan ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan olehnya dan memberinya suatu peluang untuk membuat, dengan serta-merta, representasi lisan berkenaan dengan kesalahan itu.

(4) Setelah pengenaan hukuman yang tersebut dalam subkaedah (3), pihak berkuasa tatatertib hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar suatu notis bertulis tentang pengenaan hukuman itu dalam apa-apa bentuk yang diarahkan oleh

Naib Canselor, dan berkenaan dengan denda yang dikenakan peruntukan kaedah 63 dan 64 hendaklah terpakai.

## **BAHAGIAN IV**

### **TATATERTIB LALU LINTAS JALAN**

#### **Kebenaran bertulis bagi pelajar yang menyimpan, memiliki atau mempunyai kenderaan motor di dalam Kampus.**

36. (1) Seseorang pelajar yang bercadang untuk menyimpan, mempunyai dalam milikannya atau mempunyai apa-apa kenderaan motor di dalam kampus hendaklah, pada mulanya, memohon dan memperoleh daripada Naib Canselor suatu kebenaran bertulis berkenaan dengan kenderaan motor itu; permohonan dan kebenaran bertulis itu hendaklah dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor, tertakluk kepada subkaedah (2).
- (2) Permohonan bagi kebenaran itu hendaklah dibuat oleh pelajar secara bertulis dengan menyatakan perihal kenderaan motor itu dan hendaklah disertai dengan lesen kenderaan motor semasa dan polisi insurans pihak ketiga semasa berkenaan dengan kenderaan motor itu dan lesen memandu yang sah berkenaan dengan pemohon itu.
- (3) Kebenaran Naib Canselor hendaklah dipamerkan pada bila-bila masa secara mudah dilihat di atas kenderaan motor.
- (4) Kebenaran itu hendaklah diperbaharui pada setiap tahun dan peruntukan subkaedah (1) dan (2) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi sesuatu permohonan untuk pembaharuan.
- (5) Naib Canselor boleh enggan memberi kebenaran atau membatalkan apa-apa kebenaran yang diberikan jika dia berpuas hati bahawa kebenaran atau pembatalan apa-apa kebenaran yang diberikan itu bukan untuk kepentingan Universiti bagi pelajar memegang kebenaran itu.

#### **Daftar kenderaan motor pelajar**

37. Naib Canselor hendaklah menyebabkan supaya diselenggarakan suatu daftar bagi semua kenderaan motor yang disimpan, dimiliki atau dipunya oleh pelajar dalam Kampus dalam apa-apa bentuk yang difikirkan patut oleh Naib Canselor.

#### **Had laju**

38. Tiada pelajar boleh memandu kenderaan motor di dalam Kampus pada kelajuan yang lebih daripada yang ditunjukkan oleh isyarat lalu lintas.

#### **Kenderaan motor hendaklah dipandu hanya atas jalan raya**

39. Tiada pelajar boleh memandu kenderaan motor di mana-mana tempat selain di bahagian jalan yang digunakan sebagai jalan laluan bagi kenderaan motor; khususnya, tiada

kenderaan motor boleh dipandu oleh pelajar di atas laluan jalan kaki, bahu jalan, tepi rumput, lorong jalan kaki, koridor, beranda, kaki lima, laman dalam atau dalam mana-mana bahagian mana-mana bangunan atau tempat lain sama ada di sisi jalan laluan atau selainnya, yang biasanya tidak dimasukkan atau tidak disediakan secara khas untuk laluan kenderaan motor.

### **Meletak kereta secara menghalang**

40. Tiada pelajar boleh meletak apa-apa kenderaan di mana-mana tempat atau dalam apa-apa cara yang menyebabkan bahaya, halangan atau kesulitan kepada mana-mana orang atau kenderaan motor lain.

### **Menggunakan ruang letak kereta yang diuntukkan**

41. Jika suatu ruang letak kereta diuntukkan bagi kenderaan motor tertentu, tiada pelajar boleh meletak kenderaan motor lain dalam ruang letak kereta itu.

### **Membonceng**

42. (1) Seseorang pelajar yang memandu motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada satu orang di atas motosikal itu.  
(2) Tiada pelajar boleh membawa seseorang di atas motosikal beroda dua melainkan jika orang itu duduk menunggang motosikal itu di belakang tempat duduk pemandu di atas duduk yang direka bentuk dengan sempurna dan dipasang dengan kukuh pada motosikal itu.  
(3) Seseorang pelajar tidak boleh membenarkan dirinya dibawa di atas motosikal beroda dua yang dipandu oleh seseorang, sama ada seorang pelajar atau bukan, yang berlanggaran dengan subkaedah (1) atau (2).

### **Arahan dan isyarat lalu lintas**

43. Seseorang pelajar hendaklah mematuhi semua arahan lalu lintas dan isyarat lalu lintas.

### **Pengeluaran lesen memandu dan kad matrikulasi**

44. Mana-mana pelajar yang memandu atau yang menjaga atau mengawal sesebuah kenderaan motor hendaklah membawa bersamanya suatu lesen memandu yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] dan kad matrikulasi dan hendaklah mengeluarkan lesen memandu atau kad matrikulasi untuk diperiksa oleh seseorang orang yang diberi kuasa apabila dikehendaki berbuat demikian.

### **Halangan kepada aliran lalu lintas**

45. Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan dalam apa-apa cara, atau melakukan apa-apa perbuatan, yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang licin dan teratur di dalam Kampus.

**Perbuatan di dalam Kampus yang adalah kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebagai kesalahan tatatertib**

46. (1) Seseorang pelajar melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini jika dia melakukan apa-apa perbuatan di dalam kampus yang adalah suatu kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu atau disifatkan telah dibuat di bawah Akta itu.
- (2) Maka hendaklah menjadi suatu pembelaan bagi apa-apa pertuduhan kesalahan tatatertib di bawah subkaedah (1) jika seseorang pelajar mengemukakan keterangan untuk menunjukkan bahawa dia telah atau sedang dalam proses menghadapi tindakan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta itu atau disifatkan telah dibuat di bawah Akta itu bagi kesalahan itu.

**Hukuman tatatertib terus**

47. (1) Pihak berkuasa tatatertib boleh pada budi bicaranya, sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan amaran atau denda tidak melebihi lima puluh ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Bahagian ini dengan kehadiran atau pendapat pihak berkuasa tatatertib:

Dengan syarat bahawa sebelum apa-apa hukuman dikenakan ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan olehnya dan memberinya suatu peluang untuk membuat, dengan serta-merta, representasi lisan berkenaan dengan kesalahan itu.

- (2) Setelah pengenaan hukuman yang disebut dalam subkaedah (1), pihak berkuasa tatatertib hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar suatu notis bertulis tentang pengenaan hukuman itu dalam apa-apa bentuk yang diarahkan oleh Naib Canselor, dan jika hukuman yang dikenakan adalah suatu denda peruntukan kaedah 63 dan 64 hendaklah terpakai.

**BAHAGIAN V**  
**TATACARA TATATERTIB**

**Hukuman tatatertib**

48. Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana gabungan dua atau hukuman yang sesuai yang berikut:
- (a) amaran;
  - (b) denda tidak melebihi dua ratus ringgit;
  - (c) dilarang daripada mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
  - (d) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
  - (e) dipecat dari Univeirsiti.

**Kehadiran di hadapan pihak berkuasa tatatertib**

49. Jika pada pendapat pihak berkuasa tatatertib bahawa seseorang pelajar telah melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahu pelajar tentang kesalahan tatatertib yang didakwa itu dan menghendaki pelajar itu hadir di hadapannya di suatu bilik tatatertib pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib.

**Akibat tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib**

50. Jika seseorang pelajar tidak hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib mengikut kaedah 49, dia hendaklah dengan serta-merta digantung daripada menjadi pelajar Universiti dan tidak boleh selepas itu berada di dalam atau memasuki Kampus; penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga pelajar menawar untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib dan ada, hakikatnya, hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib pada tarikh dan pada masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib selepas pelajar itu menawarkan untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib.

**Penjelasan fakta dan pengambilan rayuan**

51. Dalam prosiding tatatertib, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menjelaskan kepada pelajar tentang fakta kesalahan tatatertib yang didakwa telah dilakukan oleh pelajar dan meminta pelajar membuat pengakuan atas kesalahan itu.

**Pengakuan bersalah dan tatacara berikutnya**

52. (1) Jika pelajar mengaku salah, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menerangkan kepadanya tentang fakta kes.

(2) Jika pelajar mengaku tentang fakta ini dan pihak berkuasa tata tertib berpuas hati bahawa suatu kesalahan pada hakikatnya telah dilakukan daripada fakta tersebut, pihak berkuasa tata tertib hendaklah mengumumkan dia bersalah atas kesalahan tata tertib dan memintanya untuk mengemukakan apa-apa rayuan untuk meringankan hukuman.

### **Tatacara apabila pelajar mengaku tidak bersalah**

53. (1) Jika pelajar mengaku bahawa dia tidak bersalah atas kesalahan tata tertib atau gagal atau enggan membuat pengakuan atau tidak mengaku akan fakta kes, pihak berkuasa tata tertib hendaklah memeriksa mana-mana saksi atau apa-apa dokumen atau artikel lain bagi menyokong kes terhadap pelajar; pelajar hendaklah diminta menyoal saksi dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel dan pihak berkuasa tata tertib boleh memeriksa semula saksi.  
(2) Bagi maksud subkaedah (1), saksi hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan dalam perbicaraan oleh Naib Canselor.

### **Keterangan pelajar**

54. Selepas keterangan yang tersebut dalam kaedah 53 diterima, dan pihak berkuasa tata tertib mendapati bahawa ada suatu kes untuk dijawab, pelajar hendaklah diminta memberi keterangannya, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen atau apa-apa artikel lain bagi pembelaannya; pihak berkuasa tata tertib boleh menyoal pelajar atau mana-mana daripada saksi pelajar dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel, dan pelajar boleh memeriksa semula mana-mana daripada saksinya itu.

### **Memanggil semula saksi**

55. Pihak berkuasa tata tertib boleh menyoal atau memanggil semula mana-mana saksi pada bila-bila masa sebelum pihak berkuasa itu mengumumkan keputusannya.

### **Pengumuman keputusan**

56. Selepas mendengar keterangan saksi-saksi dan memeriksa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya, pihak berkuasa tata tertib hendaklah mengumumkan keputusannya dalam kes itu, dan jika pihak berkuasa itu memutuskan bahawa pelajar adalah bersalah atas kesalahan tata tertib, pihak berkuasa itu hendaklah meminta pelajar membuat apa-apa rayuan untuk meringankan hukumannya.

### **Pengenaan hukuman**

57. Selepas pelajar mengemukakan hujah bagi meringankan hukumannya, jika ada, di bawah kaedah 52 atau 56, mengikut mana-mana yang berkenaan, pihak berkuasa tata tertib hendaklah mengenakan ke atas pelajar satu daripada hukuman yang dinyatakan dalam kaedah 48 atau mana-mana dua atau lebih gabungan hukuman yang sesuai.

### **Jagaan dan pelupusan barang kes**

58. (1) Pihak berkuasa tata tertib boleh memerintahkan apa-apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya dalam perjalanan mana-mana prosiding tata tertib

supaya disimpan dalam jagaannya atau dalam jagaan orang yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tata tertib sementara menanti tamatnya prosiding tata tertib itu.

- (2) Pihak berkuasa tata tertib hendaklah, apabila tamat prosiding tata tertib di hadapannya, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut untuk melupuskan apa-apa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya dalam perjalanan prosiding tata tertib, dan boleh mengarahkan supaya perintah itu mula berkuatkuasa sama ada secara serta-merta atau pada suatu masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tata tertib itu.
- (3) Kuasa pihak berkuasa tata tertib di bawah subkaedah (2) hendaklah termasuk kuasa untuk memerintahkan pemusnahan apa-apa dokumen atau artikel lain atau perlucutan dokumen atau artikel lain kepada Universiti.

#### **Nota bertulis mengenai prosiding tata tertib**

59. Pihak berkuasa tata tertib, hendaklah membuat atau menyebabkan supaya dibuat nota-nota bertulis mengenai semua prosiding tata tertib di hadapannya tetapi nota-nota itu tidak perlu dibuat kata demi kata.

#### **Jagaan nota**

60. Nota-nota mengenai prosiding tata tertib hendaklah disimpan dalam jagaan Naib Canselor.

#### **Daftar prosiding tata tertib**

61. Naib Canselor hendaklah menyelenggara suatu daftar bagi semua prosiding tata tertib yang dijalankan di bawah Kaedah-Kaedah ini; daftar itu hendaklah merekodkan nama pelajar, butir-butir kesalahan tata tertib, kemajuan perjalanan prosiding, keputusan prosiding, dan maklumat-maklumat atau butir-butir lain sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor.

#### **Laporan prosiding kepada ibu bapa, Menteri, dsb.**

62 (1) Jika seseorang pelajar telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tata tertib, Naib Canselor hendaklah menghantar suatu laporan berkenaan dengan prosiding tata tertib itu kepada orang-orang yang berikut:

- (a) Menteri;
  - (b) ibu bapa atau penjaga pelajar;
  - (c) dalam hal pelajar pemegang biasiswa, kepada pihak berkuasa atau badan penaja biasiswa atau pemberi biasiswa itu; dan
  - (d) dalam hal pelajar yang juga seorang pekerja Kerajaan, kepada Ketua Jabatan pekerja itu.
- (2) Orang yang tersebut dalam perenggan (b) hingga (d) subkaedah (1) hendaklah atas permohonan diberikan salinan nota prosiding tata tertib yang ditentusahkan setelah

dibayar fi yang ditetapkan oleh Naib Canselor, yang fi itu tidak boleh, dalam apa-apa hal, lebih daripada lima puluh ringgit.

- (3) suatu salinan nota prosiding tata tertib yang ditentusahkan berkenaan dengan mana-mana kes tertentu hendaklah diberi oleh Naib Canselor kepada Menteri jika Menteri berkehendakkan nota prosiding itu.

### **Bayaran denda**

- 63.(1) Jika pihak berkuasa tata tertib mengenakan hukuman denda ke atas pelajar, pihak berkuasa tata tertib hendaklah menyatakan tempoh yang denda hendaklah dibayar dan pelajar hendaklah membayar denda dalam tempoh tersebut kepada Bendahari.
- (2) Tempoh yang tersebut dalam subkaedah (1) hendaklah tidak kurang dari empat belas hari dari tarikh keputusan pihak berkuasa tata tertib.

### **Tidak membayar denda**

64. Jika pelajar tidak membayar denda dalam tempoh yang ditetapkan, dia hendaklah dengan serta-merta digantung daripada menjadi pelajar Universiti dan tidak boleh selepas itu berada di dalam atau memasuki Kampus; penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga denda dbayar.

### **Perintah pampasan**

- 65.(1) Jika apa-apa hukuman tata tertib telah dikenakan ke atas seseorang pelajar, pihak berkuasa tata tertib boleh, sebagai tambahan, memerintah pelajar membayar pampasan sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tata tertib berkenaan dengan apa-apa kerosakan pada mana-mana harta atau apa-apa kerugian atau kecederaan kepada mana-mana orang yang pelajar itu mungkin didapati bertanggungjawab atasnya oleh pihak berkuasa tata tertib itu.
- (2) Seseorang pelajar boleh diperintahkan membayar pampasan di bawah kaedah ini tidak kira sama ada harta yang rosak itu kepunyaan Universiti atau mana-mana orang lain.
- (3) Amaun pampasan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tata tertib di bawah subkaedah (1) hendaklah amaun yang adil dan munasabah dengan mengambil kira semua hal perkara kes dan orang yang terlibat dalam kes itu.
- (4) Pampasan yang ditetapkan di bawah subkaedah (1) hendaklah dibayar oleh pelajar kepada Bendahari dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tata tertib.
- (5) Peruntukan kaedah 61 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* jika pelajar gagal membayar pampasan yang ditetapkan di bawah subkaedah (1) dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subkaedah (4).
- (6) Bendahari hendaklah membayar pampasan yang dibayar oleh pelajar di bawah subkaedah (4) kepada orang yang ditentusahkan oleh pihak berkuasa tata tertib sebagai orang yang berhak menerima bayaran.

(7) Apa-apa pampasan yang kena dibayar atau dibayar di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah tanpa menjelaskan hak mana-mana orang untuk memulakan prosiding sivil dalam mahkamah undang-undang bagi kerosakan atau pampasan berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan yang tersebut dalam subkaedah (1), atau hak mana-mana orang untuk menerima apa-apa bayaran atau pampasan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain berkenaan dengan kerosakan, kerugian atau kecederaan itu.

### **Orang yang boleh hadir dalam prosiding tatatertib**

66. Tiada seorang pun boleh hadir dalam sesuatu prosiding tatatertib kecuali:

- (a) anggota pihak berkuasa tatatertib;
- (b) pelajar yang terhadapnya prosiding tatatertib diambil;
- (c) ibu bapa atau penjaga pelajar;
- (d) saksi semasa dia memberi keterangan, atau apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa tatatertib; dan
- (e) mana-mana orang lain yang dibenarkan hadir oleh pihak berkuasa tatatertib bagi apa-apa sebab yang tertentu.

## **BAHAGIAN VI RAYUAN**

### **Notis rayuan**

- 67.(1) Jika seseorang pelajar tidak berpuas hati dengan keputusan suatu pihak berkuasa tatatertib, dia boleh memberi notis secara bertulis terhadap niatnya untuk merayu terhadap keputusan itu dengan memfailkan kepada Naib Canselor suatu notis rayuan dalam dua salinan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu disampaikan kepadanya.
- (2) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan dengan jelas alasan-alasan rayuan.

### **Penyampaian rayuan kepada Menteri**

68. Naib Canselor hendaklah, apabila menerima notis rayuan, mengemukakan notis rayuan itu kepada Menteri bersama dengan suatu salinan nota prosiding tatatertib yang berkenaan dengannya notis rayuan itu diberi dan alasan keputusan.

### **Tindakan Menteri ke atas rayuan**

69. (1) Menteri boleh, apabila menerima dokumen yang tersebut dalam kaedah 68 daripada Naib Canselor, meminta apa-apa maklumat atau butir-butir lanjut yang berhubungan dengan prosiding tatatertib sebagaimana yang dia fikirkan patut.

- (2) Jika Menteri menolak terus rayuan di bawah subseksyen 16B(4) Akta, keputusan Menteri hendaklah disampaikan kepada pelajar melalui Naib Canselor.
- (3) Jika menteri melantik suatu jawatankuasa di bawah subseksyen 16B(5) Akta untuk menimbangkan rayuan itu, keputusan Menteri mengenai rayuan yang dibuat selepas menerima syor jawatankuasa hendaklah disampaikan kepada pelajar melalui Naib Canselor.

#### **Rayuan tidak berkuatkuasa sebagai penggantungan pelaksanaan hukuman**

70. Sesuatu rayuan oleh seseorang pelajar tidak berkuatkuasa sebagai menggantung pelaksanaan hukuman yang dikenakan atau sebagai menggantung pembayaran apa-apa pampasan yang diperintahkan dibayar, melainkan jika Naib Canselor atau Menteri mengarahkan sebaliknya.

### **BAHAGIAN VII AM**

#### **Kesalahan tatatertib**

71. Seseorang pelajar yang melanggar mana-mana Kaedah-Kaedah ini, atau mana-mana garis panduan, arahan, petunjuk, sekatan, syarat atau terma yang dikenakan atau diberikan di bawah Kaedah-Kaedah ini, adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

#### **Kaedah-Kaedah ini tidak mengurangkan tanggungan jenayah**

72. Tiada apa-apa juga dalam Kaedah-Kaedah ini boleh mengurangkan tanggungan mana-mana pelajar atau orang lain bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

#### **Pembatalan**

73. Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1975 [P.U. (A) 293/75] ADALAH DIBATALKAN.

Dibuat 26 April 1999.  
[KP(PUUS) 10075/07/2/Jld. III; PN(PU2)75M/1]

*Pengerusi  
Lembaga Pengarah Universiti Malaya*

## **PETIKAN DARIPADA AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

### **Aktiviti pelajar atau persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar**

15. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang pelajar Universiti boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, termasuk mana-mana parti politik.
- (2) Seseorang pelajar Universiti tidak boleh –
  - (a) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
  - (b) menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, yang bukannya suatu parti politik, yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu; atau
  - (c) terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam Kampus.
- (3) Seseorang pelajar Universiti dan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan, tidak boleh menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bangkangan terhadap –
  - (a) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
  - (b) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.
- (4) Walau apa pun subseksyen (3), seseorang pelajar Universiti tidak boleh dihalang daripada –
  - (a) membuat pernyataan mengenai sesuatu perkara akademik yang berhubungan dengan perkara yang pelajar itu terlibat dalam pengajian atau penyelidikannya; atau
  - (b) menyatakan pendirian mengenai perkara yang disebut dalam perenggan (a) dalam sesuatu seminar, symposium atau majlis seumpamanya yang tidak dianjurkan atau ditaja oleh mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, atau mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga di bawah perenggan (3)(b) sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.
- (5) Universiti hendaklah mengawal selia aktiviti pelajar dan persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti di dalam Kampus.

### **Pihak berkuasa tatatertib mengenai pelajar Universiti**

- 16B.(1) Pihak berkuasa tatatertib Universiti berkenaan dengan tiap-tiap pelajar Universiti ialah Naib Canselor.

- (2) Naib Canselor yang menjadi pihak berkuasa tatatertib di bawah subseksyen (1) mempunyai kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana kaedah tatatertib yang mungkin dibuat oleh Lembaga di bawah seksyen 16C.
- (3) Naib Canselor boleh mewakilkan fungsi, kuasa atau kewajipan tatatertibnya kepada mana-mana Timbalan Naib Canselor, pekerja Universiti, atau jawatankuasa pekerja Universiti, berkenaan dengan mana-mana pelajar tertentu atau mana-mana golongan atau kategori pelajar Universiti.
- (3A) Naib Canselor, atau Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja yang diwakilkan dengan fungsi, kuasa atau kewajipan di bawah subseksyen (3), hendaklah memaklumkan pelajar itu secara bertulis alasan bagi tindakan tatatertib yang dicadangkan diambil terhadapnya dan hendaklah memberikannya peluang yang munasabah untuk didengar.
- (3B) Seseorang pelajar Universiti hendaklah mempunyai hak untuk diwakili oleh seseorang pekerja atau pelajar lain Universiti itu dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.
- (3C) Seseorang pelajar Universiti hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis atau lisan dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya.
- (3D) Keputusan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadap seseorang pelajar Universiti hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu.
- (4) Mana-mana pelajar Universiti yang tidak berpuas hati dengan keputusan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, pekerja atau jawatankuasa pekerja, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah subseksyen (3D) boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan keputusan itu, mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (5).
- (5) Lembaga hendaklah menuahkan suatu Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan yang dikemukakan oleh seseorang pelajar di bawah subseksyen (4).
- (6) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli yang hendaklah dilantik oleh Lembaga, dua orang daripadanya hendaklah daripada kalangan ahlinya dan seorang lagi daripada Universiti.
- (7) Lembaga hendaklah melantik mana-mana ahlinya yang disebut dalam subseksyen (5) untuk menjadi pengurus Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.
- (8) Tiada seorang pun yang telah menjalankan kuasa di bawah subseksyen (2) atau (3) boleh menjadi ahli Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.
- (9) *[Dipotong oleh Akta A1433]*
- (10) Seseorang pelajar Universiti yang mengemukakan rayuan di bawah subseksyen (4) hendaklah dibenarkan untuk membuat representasi bertulis dalam mana-mana prosiding di hadapan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar.

- (11) Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar yang mendengar suatu rayuan di bawah subseksyen (5) hendaklah memutuskan rayuan itu dalam masa enam puluh hari dari tarikh penerimaan rayuan.
- (12) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar mengenai sesuatu rayuan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada pelajar itu dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusannya.

### **Kaedah-kaedah tatatertib**

- 16C. (1) Lembaga mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa kaedah tatatertib sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk mengadakan peruntukan mengenai tatatertib bagi pelajar Universiti; kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat di bawah subseksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.
- (2) Kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan bagi penggantungan seseorang pelajar Universiti semasa prosiding tatatertib belum selesai.
- (3) Kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tatatertib dan mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan pelajar daripada Universiti.
- (4) Kaedah-kaedah tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah menetapkan tatacara bagi prosiding tatatertib dan prosiding rayuan tatatertib.
- (5) Kekhususan perkara yang disebut dalam subseksyen (2), (3) dan (4) adalah tanpa menyentuh keluasan kuasa Lembaga di bawah subseksyen (1).

# **ENGLISH VERSION**

**UNIVERSITY OF MALAYA (DISCIPLINE OF STUDENTS) RULES 1999  
UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971**

**UNIVERSITY OF MALAYA (DISCIPLINE OF STUDENTS) RULES 1999**

In exercise of the powers conferred by section 16C of the Universities and University Colleges Act 1971 [Act 30], the Board of Directors of the University of Malaya makes the following rules:

**PART I : PRELIMINARY**

**Citation**

1. These rules may be cited as the University of Malaya (Discipline of Students) Rules 1999.

**Interpretation**

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“authorized person” means any person or body of persons duly authorized to act on behalf of the University;

“Campus” means the Campus of the University of Malaya including all the hostels, institutions and buildings of the University;

“cheating” includes copying;

“disciplinary authority” means the Vice-Chancellor or, where applicable, any Deputy Vice-Chancellor, any member of the staff, any officer or any employee of the University, or any board of members of the staff, officers or employees of the University, delegated by the Vice-chancellor with disciplinary functions, powers or duties under subsection 16e(3) of the Act;

“disciplinary offence” means an offence under these Rules;

“disciplinary proceeding” means a disciplinary proceeding under these Rules;

“disciplinary room” means a room allocated for the purpose of the conduct of disciplinary proceeding generally or for the purpose of a particular disciplinary proceeding;

“drug” means any drug or substance which is for the time being comprised in the First Schedule to the Dangerous Drugs Act 1952[Acr 234];

“examinations” include any manner or method of assessment which results in a mark or a grade for a specific course or part thereof;

“gaming” means the playing of any game of chance, or of mixed chance and skill, for money or money’s worth, and includes any wagering, any betting or any lottery;

“hostel” means any accommodation, by whatever name called, provided by the University for the residence of students;

“liquor” means any liquor of any alcoholic strength;

“motor vehicle” means every description of vehicle propelled by means of mechanism contained within itself and constructed or adapted so as to be capable of being used on roads, and includes any vehicle drawn by a motor vehicle whether or not part of the vehicle so drawn is superimposed on the drawing motor vehicle;

“parking” means the bringing of a vehicle to a stationary position and causing it to wait for any purpose other than that of immediately taking up or setting down persons, goods or luggages;

“Pengetua” means the principal officer in charge of a hostel;

“poison” means any substance specified by name in the first column of the Poisons List to the Poisons Act 1952[Act 366] and includes any preparation, solution, compound, mixture or natural substance containing such substance;

“resident student” means a student residing in a hostel;

“scholarship student” includes any student who is studying on a scholarship, bursary loan, sponsorship, leave with pay or without pay, or on a grant or any other facility, from any Government, institution, statutory authority, commercial or business organization, or other body;

“staff means any employee of the University;

“student” includes any postgraduate student, part-time student, student under the distance learning or off-campus programme, diploma student, matriculation student, non-graduating student of the University and those doing full-time or part-time courses at the University;

“traffic direction” means any order, direction or instruction given by an authorized person to any person using a road or a vehicle within the Campus;

“traffic sign” includes a signal, warning sign post, direction post, sign, mark or device erected or provided on or near a road for the information, guidance or direction of persons using the road;

“vehicle” means a structure capable of moving or being moved or used for the conveyance of any person or thing and which maintains contact with the ground when in motion;

“Vice-Chancellor” means the Vice-Chancellor of the University, and includes any person or body of persons who is or are authorised by the Vice-Chancellor to act on his behalf.

## **PART II : GENERAL DISCIPLINE**

### **General Prohibitions**

3. A student shall not:-

- (a) Conduct himself, whether within the Campus or outside the Campus, in any manner which is detrimental or prejudicial—
  - (i) to the interests, well-being or good name of the University, any of the students, staff, officers, or employees of the University; or
  - (ii) to public order, safety or security, morality, decency or discipline;
- (b) Violate any provision of any written law, whether within the Campus or outside the Campus;
- (c) Disrupt or in any manner interfere with, or cause to be disrupted or in any manner interfered with, any teaching, study, research, administrative work, or any activity carried out by or under the direction of or with the permission of the University;
- (d) Prevent, obstruct, or interfere with, or cause to be prevented, obstruct or interfered with, any officer or employee of the University or any person acting under the direction or permission of such officer or employee, from carrying out his work, duty or function;
- (e) Prevent or obstruct, or cause to be prevented or obstructed, any student from attending any lecture, tutorial or class, or from engaging in any legitimate activity;
- (f) Organize, incite or participate in the boycott of any examination, lecture, tutorial, class or other legitimate activity carried out by or under the direction, or with the permission, of the University;
- (g) Damage, tamper, interfere with, move, or in any manner deal with, any substance, object, article or property in the University;
- (h) Do any act or cause any act to be done in the Campus, so as to cause or be likely to cause any obstruction, inconvenience, annoyance, loss or damage to any person in the University;
- (i) Contravene any instruction or requirement of the University Librarian, a member of the library staff or other library employee in respect of the use of the library, its books and other facilities in the library;
- (j) Contravene any instruction or requirement of an authorized person in respect of the use of any laboratory, laboratory equipment, apparatus or substance, and other facilities in the laboratory.

## **Attendance At Lectures**

4. (1) Where a student is required to attend any lecture, tutorial, class or other instruction relating to his course of study, he shall not absent himself there from without the prior permission of the Dean of the Faculty, or the Head of the School, Centre, Academy or Institute, as the case may be.
- (2) Where the circumstances do not permit such prior permission to be obtained, the student shall, as soon as possible thereafter, satisfy the Dean or the Head, as the case may be, with regard to his absence and obtain approval in respect thereof.

## **Restriction on use of text of lecture**

5. (1) Subject to subrule (2), a student shall not make use of the text of any lecture or instruction imparted to him in the University except for the purpose of pursuing his course of study; in particular, he shall not reproduce in any manner the whole or any part of such text for the purpose of publication, distribution or circulation, whether for payment or not.
- (2) Nothing in this rule shall be deemed to restrict the discretion of the Vice-Chancellor to issue guidelines allowing a student, or an organization, body or group of students, to make copies of the text of any such lecture or instruction under the control and direction of the Vice-chancellor, or the Dean of the Faculty, or the Head of the School, Centre, Academy or Institute, as the Vice-chancellor may authorize, and the Vice-chancellor may impose in the guidelines such terms and conditions as he deems necessary or expedient in respect of the reproduction of the text of any lecture or instruction.

## **Prohibition against plagiarism**

6. (1) A student shall not plagiarize any idea/writing, data or invention belonging to another person.
- (2) For the purposes of this rule, plagiarism includes—
  - (a) the act of taking an idea, writing, data or invention of another person and claiming that the idea, writing, data or invention is the result of one's own findings or creation; or
